



CPN: 8822

# 1100089079



LP 39 FPE 2 2009



1100089079

Keberkesanan agihan zakat : kajian kes negeri Terengganu / Nor Mazida Embong.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100089079		

Lihat Sebelah

**HAK MILIK**  
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**KEBERKESANAN AGIHAN ZAKAT :  
KAJIAN KES NEGERI TERENGGANU**

**NOR MAZIDA BINTI EMBONG**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI  
(SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2009**

## PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh 27/04/09

Tandatangan :   
Nama Pelajar : NOR MAZIDA BINTI EMBONG  
Nombor Matrik : UK14109

## DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN4399A/B) is the result of my own investigation and findings, acceptwhere otherwise stated.

Date 27/04/09

Signature :   
Students Name : NOR MAZIDA BINTI EMBONG  
Matric Number : UK14109

## PENGHARGAAN

Dengan lafaz Bismillah, terlebih dahulu syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan Kertas Projek Tahun Akhir ini dengan jayanya pada waktu yang telah ditetapkan. Walaupun pelbagai kekangan, halangan dan dugaan telah saya lalui dalam menyiapkan kajian ini, namun begitu Alhamdulillah tugas ini dapat disiapkan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang amat saya kasihi dan hormati iaitu **En. Muhammad Najit B. sukemi** yang telah banyak memberi tunjuk ajar, dorongan dan nasihat sepanjang proses menyiapkan kertas projek ini. Tiada apa yang dapat saya berikan melainkan doa semoga Allah melimpahkan rahmat dan keberkatan kepada beliau sekeluarga di dunia dan akhirat.

Penghargaan ini juga saya tujukan khas buat keluarga tersayang terutama ibu, **Pn. Ramlah Bt. Ali** dan bapa, **En. Embong B. Abd Rahman** yang telah mendoakan kejayaan saya dan merah keringat untuk memastikan saya berjaya dan mencapai kecemerlangan dalam hidup. Segala nasihat beliau tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, pensyarah di Jabatan Ekonomi dan rakan-rakan seperjuangan atas dorongan dan semangat yang telah diberikan kepada saya. Perhatian dan jasa kalian amat dihargai.

NOR MAZIDA BINTI EMBONG  
D-78 BELAKANG TAMAN MAS, BUKIT PAYUNG  
21400 KUALA TERENGGANU  
TERENGGANU DARUL IMAN  
mazida\_aqua85@ahoo.com

## SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iii
SENARAI KANDUNGAN	
SENARAI RAJAH / JADUAL	iv
<b>BAB 1            PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Permasalahan Kajian	4
1.3    Objektif Kajian	7
1.4    Skop Kajian	7
1.5    Kepentingan Kajian	8
1.6    Metodologi / Rekabentuk Kajian	9
1.7    Organisasi / Limitasi Kajian	10
1.8    Kesimpulan	11
<b>BAB 2            LATAR BALAKANG KAJIAN DAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.1    Pengenalan	12
2.2    Latar Belakang Zakat	13
2.3    Hukum Zakat	14
2.4    Syarat Wajib Zakat	15
2.5    Agihan Zakat	16
2.6    Hikmah Zakat	18
2.7    Perkembangan Zakat Di Malaysia	
2.7.1    Zaman Penjajahan Inggeris	18
2.7.2    Sejarah Zakat di Malaysia	19
2.7.3    Pungutan Zakat di Malaysia	19
2.7.4    Agihan Zakat di Malaysia	20
2.7.5    Perundangan Zakat di Malaysia	22

2.8	Zakat Negeri Terengganu	22
2.8.1	Pungutan Zakat	23
2.8.2	Agihan Zakat	24
2.8.3	KDNK Negeri Terengganu	26
2.8.4	Kemiskinan Negeri Terengganu	27
2.9	Kajian Lepas	28
2.10	Penutup	31

### **BAB 3           METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	32
3.2	Model Kajian	33
3.3	Spesifikasi Model	33
3.4	Koleksi Data	34
3.4.1	Sumber dan Skop Data	34
3.5	Tren Siri Masa	34
3.6	Spesifikasi Model	35
3.6.1	Korelasi	35
3.6.2	Integrasi	35
3.7	Analisis Data	
3.7.1	Ujian Punca Unit	36
3.7.2	Ujian Kointegrasi	39
3.7.3	Vektor Autoregrasi (VAR)	40
3.7.4	Ujian Penyebab Granger (Granger Causality)	41
3.8	Definisi Pembolehubah	
3.8.1	Pembolehubah Zakat	42
3.8.2	Pembolehubah pertumbuhan Ekonomi	43
3.8.3	Pembolehubah Kadar Inflasi	43
3.9	Penutup	43

### **BAB 4:   ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	45
4.2	Analisis Tren Siri Masa	46
4.3	Analisis Keputusan Regrasi Mudah	49
4.4	Analisis Keputusan Ujian Punca Unit	50
4.5	Analisis Keputusan Kointegrasi	52
4.6	Analisis Keputusan Vektor Autoregrasi (VAR)	54
4.7	Analisis Keputusan Penyebab Granger	59
4.8	Penutup	60

**BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	61
5.2	Rumusan Kajian	62
5.3	Implikasi Dasar	64
5.4	Saranan Kajian	67
	5.4.1 Peranan Pihak Kerajaan	68
	5.4.2 Peranan Pihak Berkuasa Zakat Negeri	69
	5.4.3 Pihak Masyarakat Islam	70
	5.4.4 Peranan Institusi yang Terlibat	71
5.5	Penutup	72
	<b>RUJUKAN</b>	<b>73</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>74</b>



## **SENARAI JADUAL**

Jadual 2.1	Pungutan dan Agihan Zakat Negeri-negeri Malaysia	21
Jadual 2.2	Penyata Pungutan Zakat Negeri Terengganu	25
Jadual 2.3	Penyata Agihan Zakat Negeri Terengganu	25
Jadual 2.4	Jumlah Pendapatan KDNK Negeri Terengganu	26
Jadual 2.5	Statistik Kemiskinan Negeri Terengganu	27
Jadual 4.1	Keputusan Ujian Punca Unit	51
Jadual 4.2	Keputusan Ujian Kointegrasi	53
Jadual 4.3	Analisis Keputusan VAR	55
Jadual 4.4	Hasil keputusan Penganggaran Persamaan VAR	58
Jadual 4.5	Ringkasan hubungan yang Signifikan penyebab Granger	59

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 4.1	Rajah Siri Masa bagi Jumlah Pungutan dan Agihan Zakat	46
Rajah 4.2	Rajah Siri Masa bagi Jumlah KDNK	48
Rajah 4.3	Rajah Siri Masa Kadar Inflasi	48

# BAB I

## PENGENALAN

### 1.1 PENGENALAN

Islam merupakan satu agama yang lengkap mencakupi seluruh aspek dan ruang lingkup kehidupan manusia. Aspek persaudaraan dalam kehidupan merupakan salah satu aspek yang sangat dititikberatkan. Ini kerana, tidak semua manusia yang hidup di dunia ini menikmati hidup yang mewah. Pelbagai golongan mendiami bumi ini di antaranya terdiri daripada orang kaya, miskin, anak yatim dan sebagainya. Di sini, dapat dilihat wujud golongan yang bernasib baik dan sebaliknya. Sehubungan dengan itu, untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ini, maka Allah s.w.t telah mensyari'atkan satu sistem atau kaedah yang dikenali sebagai "zakat" untuk membantu golongan tersebut.

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dipatuhi dan dilaksanakan apabila telah cukup syarat-syaratnya. Zakat disyari'atkan oleh Allah S.W.T terhadap hamba-Nya untuk menyucikan harta dan diri mereka. Ini dapat di lihat daripada firman Allah S.W.T dalam surah Ar-Ra'd, ayat 26 yang bermaksud:

*" Allah mencukupkan rezeki untuk orang-orang yang dikehendaki-Nya dan Dia pula yang membatasi-Nya. Dan mereka sukacita dengan kehidupan dunia ini, sedangkan kesukaan kehidupan dunia ini dibandingkan dengan akhirat hanyalah kesenangan sementara".*

*(surah Ar-Ra'd : ayat 26)*

Harta manusia bukanlah milik mutlak manusia, sebaliknya ia adalah kurniaan Allah S.W.T dan manusia hanyalah sebagai pemegang amanah sepertimana firman Allah S.W.T dalam surah An-Nahl ayat 71 yang bermaksud:

*“ Dan Allah melebihkan rezeki setengah kamu dari yang lain, tetapi orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu mengembalikan rezekinya itu kepada orang yang menjadi kekuasaan tangan kanannya, lalu mereka menjadi sama. Apakah nikmat Allah itu mereka ingkari”.*

*(surah An-Nahl : ayat 71)*

Kewajiban melaksanakan ibadah ini oleh seseorang Islam apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ia terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya zakat fitrah, zakat pendapatan, zakat pertanian, zakat wang simpanan dan zakat dalam pelbagai bentuk harta yang lain mengikut ‘*uruf* yang telah difatwakan oleh ulama’ *mu’tabar*. Di Malaysia, terdapat sebuah institusi formal yang bertanggungjawab untuk mengurus hal-hwal yang berkaitan dengan urusan penerimaan dan pengagihan hasil zakat mengikut asnaf yang telah ditetapkan yang dikenali sebagai “Pusat Pungutan Zakat” mengikut negeri-negeri yang terdapat di Malaysia. Pengurusan Pusat Pungutan Zakat ini diletakkan di bawah pengawasan Majlis Agama Islam Negeri.

Zakat merupakan pembayaran yang diwajibkan oleh Islam terhadap semua penganutnya yang mempunyai harta dalam berbagai bentuk sekiranya cukup syarat *hol* atau tempoh dan *nisab* atau satu jumlah minimum yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas selama tempoh yang dikenakan, biasanya satu tahun Hijrah. Kewajipan ini lahir kerana zakat merupakan salah satu dari rukun Islam. Ini bermakna bahawa seseorang itu hanya dianggap memenuhi syarat-syarat menjadi seorang Islam jika ia melaksanakan segala rukunnya. Sebenarnya, dengan menjadikan zakat sebagai salah satu daripada rukunnya yang lima, Islam telah meletakkan satu asas yang amat kukuh di dalam sistem ekonominya berbanding dengan semua agama lain.

Implikasinya ialah bahawa Islam tidak hanya menitikberatkan ibadat khusus atau pengabdian dalam bentuk spiritual seperti menyaksikan keesaan Allah (s.w.t.) dan kerasulan Muhammad (s.a.w.), sembahyang, puasa dan haji, tetapi ia memberi penekanan yang serupa kepada kegiatan ekonomi dengan menuntut semua penganutnya untuk membayar zakat. Hakikat ini amat jelas jika kita teliti jenis, syarat dan penerima zakat.

Atas kesedaran ini, Baitulmal dan/atau Pusat Pungutan Zakat telah ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia untuk mengurus kutipan zakat dan membahagikannya kepada asnaf yang layak. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi menyedarkan umat Islam akan keperluan membayar zakat di samping mengenal pasti asnaf yang layak untuk menerimanya. Dalam era teknologi maklumat yang mana maklumat dapat disebarkan melalui internet dan media elektronik secara meluas, penyebaran maklumat mengenai zakat telah mendapat tindak balas yang baik daripada umat Islam Malaysia. Hasil pungutan zakat telah meningkat dari setahun ke setahun pada kadar yang pesat lantaran kesedaran yang telah wujud dalam sanubari umat Islam. Dengan momentum penyebaran maklumat yang pantas ini, adalah dijangkakan setiap negeri di Malaysia dapat memperbaiki hasil pungutan zakat dari tahun ke tahun. Oleh itu, pungutan zakat kini dilihat bukan lagi menjadi satu masalah yang besar.

Zakat berbeza dengan sumber-sumber pendapatan kerajaan yang lain di mana tanggungjawab membayar zakat adalah merupakan sebahagian dari ibadah dalam kehidupan Muslim. Allah s.w.t telah menyatakan dalam al-Quran bahawa menunaikan zakat itu adalah merupakan sebahagian dari ciri-ciri seorang muslim, yang bermaksud;

*"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi sesetengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebajikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana."*

*surah at-Taubah:71*

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Seperti mana yang diketahui, pembayaran zakat merupakan satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam yang cukup syarat kerana harta yang dimiliki oleh masyarakat bukan merupakan hak milik mutlak individu bahkan ia merupakan kurniaan Allah s.w.t kepada manusia sebagai pemegang amanah. Atas kesedaran ini, Baitulmal dan/atau Pusat Pungutan Zakat telah ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia untuk mengurus kutipan zakat dan membahagikannya kepada asnaf yang layak. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi menyedarkan umat Islam akan keperluan membayar zakat di samping mengenal pasti asnaf yang layak untuk menerimanya. Hal ini kerana kewajipan membayar zakat mempunyai pelbagai objektif sosio-ekonomi yang positif bukan sahaja kepada penerima zakat bahkan kepada pembayar zakat dan masyarakat keseluruhannya.

Berdasarkan rekod pungutan dan agihan zakat bagi tahun 1998 hingga 2003 yang dipungut oleh Unit Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Terengganu menunjukkan jumlah agihan keseluruhan zakat adalah lebih rendah berbanding jumlah pungutan zakat pada setiap tahun. Berdasarkan teori ekonomi, perbelanjaan yang kurang daripada pendapatan menunjukkan ciri belanjawan yang berhemat tetapi konsep itu kurang sesuai dilaksanakan dalam kes agihan zakat. Hal ini kerana setiap asnaf berhak mendapat haknya. Namun agihan yang tidak menyeluruh memperlihatkan haknya tidak dipenuhi. S.S Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin menyatakan perasaan kehairanan apabila masih wujud kisah-kisah duka kemiskinan yang dipaparkan oleh berbagai media dan di mana peranan zakat dan Lembaga zakat? Mengapakah masih wujud lebihan zakat sedangkan bilangan fakir miskin terus wujud? Zakat tidak menjadi masalah apabila berlebihan jika semua asnaf sudah menerima agihan zakat yang layak diterima tetapi masih ramai yang menadahkan simpati dan tidak diberi, sedangkan zakat masih berbaki.

Bahkan, pelbagai program derita kemiskinan yang dipaparkan oleh sesetengah media adalah menjadi pukulan yang amat perit terhadap institusi zakat jika dibandingkan badan-badan kebajikan bukan Islam. Walaupun mereka tidak berkempen sakan untuk mengutip wang, tetapi selalu kita mendengar berita mereka memberi.

Sedangkan kefarduan zakat yang ditetapkan oleh ALLAH mempunyai falsafah dan objektif yang amat hebat terhadap pembentukan masyarakat muslim. Walaupun unit pungutan zakat telah berjaya mengumpul dana zakat, namun belum cukup berjaya membahagikannya kerana tidak sepatutnya pengurusan zakat terlalu banyak bergantung kepada borang permohonan tetapi usaha mencari adalah lebih utama. Ini kerana kebanyakan pemohon yang telah tua itu amatlah beban bagi mereka untuk mengisi borang. Bahkan dalam Islam, orang miskin yang tidak meminta itu lebih afdal untuk diutamakan. Firman ALLAH dalam Surah al-Baqarah ayat 273: (maksudnya): “(Pemberian sedekah itu) ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam), yang tidak berupaya mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya); mereka itu disangka: orang kaya - oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. dan (ketahuilah), apa jua yang kamu belanjakan dari harta Yang halal maka Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya”.

Jika wang zakat ini diberikan sekadar seratus atau dua ratus yang hanya cukup untuk setengah bulan atau sebulan dan terpaksa menunggu tahun hadapan pula, keadaan ini amat mendukacitakan semua pihak. Sepatutnya zakat diberikan dengan kadar yang mengeluarkan si miskin dari daerah kemiskinan. Dengarlah kata-kata Saidina ‘Umar r.a.: “Apabila engkau memberi zakat, kayakanlah mereka”. Kata Ibn Hazm (meninggal 456H): “Apa yang kami tahu tiada sahabah yang berbeza dalam hal ini” (Ibn Hazm, Al-Muhalla 4/280, Beirut: Dar al-Kutub al-‘ilmiyyah).



Maka Saidina dalam kepemimpinannya berusaha mengeluarkan mereka yang fakir dari daerah kefakiran dengan menggunakan harta zakat. Bukan sekadar memberi mereka beberapa suap makanan atau beberapa dirham wang. (lihat: Al-Qaradawi, Fiqh al-Zakat, 2/568, Beirut: Muassasah al-Risalah).

Banyak perkara yang boleh dibincangkan tentang kesan zakat jika ia berfungsi dengan baik. Amanah Allah SWT kepada pengurusan zakat dalam ayat 60 Surah al-Taubah itu hendaklah dipandang berat. Firman ALLAH: (maksudnya) Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum Yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Wang zakat bukan milik pihak pengurusan sebaliknya amanah yang mesti diserahkan dengan jaya kepada yang berhak dan berfungsi dengan baik. Bukan menjadikan golongan yang berhak itu bagaikan peminta sedekah yang menagih simpati pengurusan zakat kerana rumahnya yang hampir roboh, anak yang sakit tidak berubat, yuran pengajian yang tidak mampu dibayar dan segala kesedihan yang lain.

Oleh yang demikian, timbulnya persoalan sejauhmanakah bantuan zakat dapat meningkatkan kualiti kehidupan golongan miskin seterusnya mengeluarkan mereka daripada gejala kemiskinan memandangkan nilai bantuan zakat yang diberi amatlah kecil. Jika zakat benar-benar berfungsi, tentulah nasib umat tidak sebegini. Masyarakat kadangkala tertanya-tanya adakah pengurusan zakat hanya bijak mencari, tapi tidak bijak memberi dan membahagi. Maka kajian ini akan cuba menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan agihan zakat di negeri Terengganu terutamanya dari aspek jumlah agihan kepada golongan penerima zakat dalam membantu meningkatkan pendapatan mereka.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

#### **UMUM :**

Mengkaji sejauh mana faktor-faktor yang mempengaruhi secara langsung kepada keberkesanan agihan zakat di negeri Terengganu dalam meningkatkan kualiti kehidupan golongan asnaf.

#### **KHUSUS :**

1. Mengkaji prestasi kutipan dan perbelanjaan zakat dari aspek agihan pendapatan serta pengagihan kesemua wang zakat yang dipungut kepada golongan yang berhak.
2. Mengkaji corak agihan dana zakat kepada golongan sasaran dengan memberi tumpuan kepada golongan sasaran terpenting
3. Mengkaji sama ada semua pendapatan zakat diagihkan kepada golongan asnaf atau tidak
4. Mengkaji sejauhmana jumlah KDNK, hasil zakat dan kadar inflasi mempengaruhi keberkesanan agihan zakat kepada asnaf.

### **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian keberkesanan agihan zakat di negeri Terengganu menekankan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah agihan zakat. Data yang akan digunakan adalah data sekunder iaitu hasil pungutan dan agihan zakat, KDNK dan kadar inflasi negeri bagi tahun 1993 hingga 2007 iaitu data siri masa 15 tahun yang diperolehi daripada Pusat zakat Negeri Terengganu, Jabatan Perangkaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi dan sumber data negeri di Perpustakaan Awam negeri Terengganu. Kajian ini memfokuskan prestasi hasil pendapatan zakat setiap tahun dan jumlah agihannya serta bagaimana faktor-faktor ini mempengaruhi keberkesanannya secara langsung atau tidak langsung.



## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif iaitu untuk mengkaji prestasi kutipan dan perbelanjaan zakat dari aspek pungutan serta pengagihan semua wang zakat yang dipungut kepada golongan yang berhak. Atas kesedaran ini Pusat Pungutan Zakat telah ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia untuk menguruskan kutipan dan membahagikannya kepada semua asnaf yang layak. Pelbagai usaha yang akan dijalankan untuk menyedarkan umat Islam akan keperluan membayar zakat bagi meningkatkan pungutan serta agihan zakat pada setiap tahun. Hal ini kerana apabila pungutan meningkat, akan meningkatkan lagi jumlah agihan kepada asnaf dan seterusnya boleh membantu golongan tersebut menggunakan keperluan dengan lebih selesa. Hal ini selaras dengan matlamat agihan zakat untuk melindungi manusia dari kelaparan, menjamin keselamatan sosial dan menjaga maruah dan kehormatan insan tidak kira golongan penerima atau tidak.

Zakat yang dijana dengan baik dan menepati falsafah syariat, dapat berperanan untuk menstabilkan ekonomi umat Islam. Konsep zakat dalam menstabilkan ekonomi hendaklah dilihat dalam konteks yang luas, tidak hanya terbatas sekadar mengutip dan mengagihkan wang zakat dalam konteks yang konservatif. Hakikatnya zakat dapat digembleng sebagai instrumen memperkasakan ekonomi umat Islam seandainya umat Islam dapat mendominasi ekonomi negara, maka kawalan atau keseimbangan terhadap penawaran dan permintaan yang memungkinkan ketidakstabilan harga barangan atau perkhidmatan dapat dikawal.

Seandainya kita melihat kepada skop agihan zakat secara makro, maka Allah s.w.t telah menggariskan lapan kumpulan manusia yang layak menerima wang zakat. Kumpulan manusia atau asnaf itu ialah fakir, miskin, mualaf, amil, gharim, riqab, fisabilillah dan ibnu sabil. Namun perspektif secara mikro membolehkan kita menerokai ruang baru dalam penjanaan wang zakat. Wang zakat sepatutnya dapat digunakan bagi menangani simptom kemiskinan dalam bentuk pencegahan. Hal ini sesuai dengan kaedah Islam yang lebih mengutamakan pencegahan daripada perawatan.

Majoriti pengamalan zakat ialah memberikan bantuan kepada fakir dan miskin yang telah pun terjebak ke dalam kancuh kemiskinan. Ia bermula dengan mengenal pasti tahap kemiskinan dan diikuti dengan pelbagai mekanisme demi membina kembali kehidupan mereka. Namun membiarkan mereka terjebak dahulu kemudian baru dipulihkan adalah satu perkara yang tidak begitu tepat. Sepatutnya, umat Islam perlu dielakkan daripada jatuh miskin terlebih dahulu.

Kajian ini juga bertujuan mengkaji sejauh mana KDNK negeri mempengaruhi jumlah agihan zakat. Hal ini dapat dilihat daripada jumlah KDNK yang semakin meningkat menyebabkan jumlah agihan juga meningkat kerana ia merupakan salah satu komponen penting dalam perbelanjaan negeri. Semakin banyak agihan tersebut, menunjukkan semakin banyak aliran wang yang akan digunakan oleh asnaf dalam ekonomi. Secara tidak langsung berlaku proses jual beli antara isirumah yang akan meningkatkan pendapatan negeri.

## 1.7 METODOLOGI KAJIAN / REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada Pusat Pungutan Zakat negeri Terengganu, Jabatan Perangkaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. Data-data yang akan digunakan termasuklah jumlah kutipan zakat serta agihan mengikut asnaf, bilangan penduduk, kadar inflasi dan KDNK negeri berbentuk data siri masa iaitu dari tahun 1993 hingga 2007. Model kajian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

$$\ln AZ_t = \beta_0 + \beta_1 \ln HZ_t + \beta_2 \ln KDNK_t + \beta_3 \ln INF_t + \varepsilon_t$$

di mana,       $t$  = siri masa  
                   $\beta$  = pekali yang dianggarkan  
                   $\varepsilon$  = sebutan ralat  
                   $AZ$  = jumlah agihan zakat  
                   $HZ$  = jumlah hasil pungutan zakat  
                   $KDNK$  = Keluaran Dalam Negara Kasar negeri Terengganu  
                   $INF$  = kadar inflasi

Berdasarkan kepada model kajian di atas, spesifikasi model tersebut perlu diperincikan lagi dengan menjalankan dua bentuk pengujian iaitu berdasarkan analisis korelasi dan integrasi. Bagi membuktikan objektif yang telah dijangkakan, pengkaji akan melaksanakan beberapa ujian dalam menganalisis dapatan kajian. Ujian-ujian yang terlibat adalah seperti ujian regrasi mudah, pengujian punca unit yang terbahagi kepada ujian ADF dan PP, kointegrasi iaitu ujian statistik jejak (trace) dan ujian statistik max-eigenvalue, analisis keputusan penyebab Granger, serta analisis VAR antara pembolehubah-pembolehubah bebas dan bersandar yang terlibat untuk mengetahui hubungan antara satu sama lain.

## **1.8 ORGANISASI KAJIAN / LIMITASI KAJIAN**

Penulisan kertas projek ini akan diorganisasikan di dalam lima bab utama di mana bab 1 membincangkan mengenai senario kutipan dan agihan zakat di negeri Terengganu, prestasi KDNK dan kadar inflasi yang menjadi faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan agihan zakat negeri serta masalah-masalah yang di berlaku di samping pengenalan secara keseluruhan kepada tajuk kajian yang merangkumi maksud zakat, golongan yang berhak menerima zakat serta tujuan zakat. Selain itu, persoalan kajian akan dikupas dan objektif umum dan khusus diketengahkan untuk melancarkan perjalanan kajian. Selain itu, skop dan metodologi kajian serta jangkaan keputusan yang diperoleh selepas kajian sama ada positif atau negatif juga diterangkan dengan jelas dalam bab ini.

Bab 2 pula merujuk kepada perbincangan mengenai tajuk kajian yang merangkumi latar belakang kajian dan kajian lepas. Justeru, pengumpulan kajian-kajian lepas daripada pelbagai sumber sekunder oleh para cendekiawan serta pakar ekonomi bagi membantu kajian dijalankan termasuklah pengkaji, bila ia dilaksanakan dan apa yang dikaji, hasil kajian dan kesimpulan serta cadangan daripada pengkaji. Selain itu, tinjauan terhadap maklumat tidak simetri juga dilakukan dan untuk melihat bagaimana ia mempengaruhi jumlah agihan zakat di negeri Terengganu.

Bab 3 akan menerangkan metodologi kajian dan teori yang digunapakai dalam kajian serta boleh digunakan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah agihan zakat kepada asnaf yang layak. Kaedah yang akan digunakan adalah menggunakan perisian Econometric Views (E-Views) bagi memperoleh hasil yang diinginkan. Di samping itu, pelbagai ujian terhadap pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar akan dijalankan. Model yang akan digunakan dalam kajian ini secara menyeluruh juga akan dijelaskan. Bab ini juga merangkumi jenis sumber data yang digunakan secara menyeluruh dalam kajian ini di mana turut melibatkan penggunaan reka bentuk kajian beserta instrumen kajian yang sewajarnya.

Bab 4 pula merujuk kepada penganalisan hasil keputusan keseluruhan kajian dengan menggunakan pelbagai ujian. Setiap keputusan akan dihuraikan dengan jelas serta dipersembahkan dalam bentuk graf, rajah dan jadual. Beberapa intepretasi hasil dari keputusan yang diperolehi akan diutarakan dalam bahagian ini.

Bab 5 merupakan bab terakhir di dalam kajian ini. Bab ini akan merumuskan hasil kajian serta membincangkan polisi, dasar dan cadangan berdasarkan kepada kajian ini agar jumlah agihan zakat kepada asnaf lebih berkesan iaitu dapat membantu golongan tersebut daripada dibelenggu kemiskinan serta dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna daripada sebelumnya.

## **1.9 PENUTUP**

Kesedaran membayar zakat amat penting kerana mempunyai banyak faedah sosial ekonomi di samping membantu asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin dalam kehidupan mereka. Ia juga mewujudkan satu masyarakat yang saling mengambil berat antara satu sama lain terutama isirumah Muslim yang mengalami kemiskinan tegar dapat dihapuskan secara beransur-ansur. Bantuan zakat memberi impak yang signifikan kepada kualiti hidup golongan miskin. Nilai bantuan zakat perlu dinilai semula kerana nilai bantuan yang diberikan amatlah kecil berbanding dengan keperluan kehidupan semasa.

## **BAB II**

### **LATAR BELAKANG KAJIAN DAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan tentang latar belakang kajian yang meliputi penerangan tajuk secara menyeluruh termasuklah menjelaskan definisi dan jenis zakat, kriteria-kriteria yang diambil kira dalam agihan pendapatan zakat serta proses agihan yang dijalankan bagi memastikan keberkesanannya. Terdapat pelbagai faktor yang menentukan jumlah agihan zakat seperti jumlah KDNK, jumlah hasil zakat yang dipungut serta kadar inflasi yang akan mempengaruhi nilai matawang dalam negeri. Selain itu, bab ini juga menerangkan tentang kajian lepas yang pernah dikaji oleh pengkaji berkaitan dengan keberkesanan agihan pendapatan zakat. Dalam kajian lepas tersebut, akan meliputi siapa yang mengkaji, bila dan apa yang dikaji, hasil kajian dan kesimpulan keseluruhan tentang kajian tersebut.

Kajian ini akan dilakukan di negeri Terengganu kerana negeri Terengganu merupakan antara negeri yang mempunyai penduduk yang taraf hidupnya rendah dan berkelayakan menerima zakat. Sehingga tahun 2000, statistik penduduk menunjukkan 93.05 peratus penduduk di Terengganu adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam manakala selebihnya berbangsa Cina dan India. Oleh kerana zakat tertumpu kepada golongan beragama Islam, maka negeri Terengganu adalah menjadi tumpuan kajian keberkesanan agihan pendapatan zakat yang akan menentukan kesejahteraan hidup golongan penerima serta keluar daripada belunggu kemiskinan.



## 2.2 LATAR BELAKANG ZAKAT

Islam merupakan satu agama yang lengkap mencakupi seluruh aspek dan ruang lingkup kehidupan manusia. Aspek persaudaraan dalam kehidupan merupakan salah satu aspek yang sangat dititikberatkan. Ini kerana, tidak semua manusia yang hidup di dunia ini menikmati hidup yang mewah. Pelbagai golongan yang dapat dilihat mendiami bumi ini. Antaranya ada golongan yang terdiri daripada orang kaya, miskin, anak yatim dan sebagainya. Di sini, dapat dilihat, ada golongan yang bernasib baik dan sebaliknya. Sehubungan dengan itu, untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ini, maka Allah telah mensyari'atkan satu sistem atau kaedah yang dikenali sebagai "zakat" untuk membantu golongan tersebut.

Kewajiban melaksanakan ibadah ini terkandung dalam rukun Islam yang keempat. Ibadah ini akan wajib dilaksanakan oleh seseorang Islam apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ia terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya zakat fitrah, zakat pendapatan, zakat pertanian, zakat wang simpanan dan zakat dalam pelbagai bentuk harta yang lain mengikut 'uruf yang telah difatwakan oleh ulama' mu'tabar.

Tahun permulaan diwajibkan zakat masih belum dapat dipastikan dengan tepat oleh ahli sejarah dan perundangan Islam. Oleh itu, amatlah sukar untuk menentukan sejarah awal kewajipan zakat kerana ahli-ahli sejarah memberikan tarikh yang berlainan antara sesama mereka. Sebelum Nabi Muhammad (saw) diangkat menjadi Rasul, sistem yang menyerupai zakat telah diperkenalkan oleh agama yang wujud pada masa itu, sama ada agama budaya atau agama langit. Perhatian yang lebih serius biasanya ditonjolkan oleh agama Samawi (agama langit) dan agama Hanif (agama Nabi Ibrahim (as)) yang dibawa oleh nabi-nabi yang terdahulu.

## 2.3 HUKUM

Kewajipan zakat kepada individu Muslim adalah sama sepertimana kefarduan solat untuk menjadi seorang Islam yang sempurna. Ia mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam Islam dan sering digandingkan perkataannya dengan solat di dalam Al-Quran. Zakat wajib dikeluarkan ke atas beberapa jenis harta yang telah ditetapkan setelah memenuhi syarat dan tempoh tertentu.

Mengingkari kewajipan zakat adalah kafir atau murtad (Al-Syaukani 1973:170). Pemerintah dibolehkan memaksa dan memerangi golongan yang ingkar membayar zakat sebagaimana berlaku di zaman khalifah Abu Bakar r.a. Seseorang yang murtad boleh dipaksa bertaubat. Sekiranya enggan bertaubat boleh dihukum bunuh. Hal ini dinyatakan oleh Imam Nawawi dan juga Ibnu Hajar.

Selaras dengan kewajipan membayar zakat, terdapat pelbagai faedah dan kelebihan yang Allah SWT berikan apabila seseorang itu berzakat. Antara fadhilat yang diperolehi apabila berzakat seperti :

1. Zakat mampu mentarbiahkan serta mengasuh jiwa Muslim supaya cenderung dan mencintai pengorbanan di samping menyucikan harta daripada hak orang lain dan membersihkan rohani daripada sifat mazmumah seperti tamak, bakhil dan kedekut.
2. Merupakan ibadah yang memiliki nilai dimensi yang tinggi.
3. Alat pembersih harta dan penjagaan dari ketamakan orang jahat.
4. Ungkapa rasa syukur atas nikmat yang diberikan Allah SWT
5. Untuk pengembangan otensi masyarakat.
6. Sokongan moral kepada orang yang baru masuk Islam.
7. Menambahkan pendapatan negara untuk projek-projek yang bermanfaat bagi mesyarakat.

## 2.4 SYARAT WAJIB ZAKAT

Zakat adalah diwajibkan kepada setiap individu lelaki dan perempuan yang memenuhi syarat wajib zakat. Syarat-syarat wajib zakat ini dibuat untuk membantu pembayar zakat agar dapat membayar zakat dengan rela hati sehingga matlamat sebenar zakat disyariatkan akan tercapai.

- 1) Islam  
Zakat hanya dikenakan kepada orang-orang Islam sahaja dan tidak wajib ke atas orang bukan Islam.
- 2) Merdeka  
Hamba tidak diwajibkan membayar zakat kecuali zakat fitrah sahaja yang perlu dijelaskan oleh tuannya..
- 3) Sempurna Milik  
Bermaksud harta yang dimiliki berada di dalam pengawasan penuh pemiliknya tanpa bersangkutan dengan hak orang lain seperti hutang dan amanah.
- 4) Sempurna Haul  
Haul adalah pusingan 12 bulan hijrah iaitu genap setahun (354 hari).
- 5) Cukup Nisab  
Kadar minima yang ditetapkan oleh syarak bagi sesuatu harta untuk dikenakan zakat. Mengikut nilai semasa emas sebanyak 20 miskal atau 85 gram. Kekurangan daripada kadar nisab menyebabkan gugur kewajipan mengeluarkan zakat.



## 2.5 AGIHAN ZAKAT

Zakat diagihkan untuk membantu golongan yang miskin dan memerlukan bagi memenuhi keperluan asas mereka. Ia diagihkan untuk memenuhi pelbagai keperluan jangka pendek dan jangka panjang. Zakat hanya boleh diagihkan kepada golongan-golongan tertentu sahaja. Secara ringkasnya, terdapat lapan golongan yang layak menerima agihan zakat yang mana telah ditetapkan dalam AL-Quran. Antaranya adalah seperti berikut :

### 1) Golongan Fakir

Merujuk kepada orang yang tidak memiliki harta atau pekerjaan tetap dan tidak mampu memenuhi keperluan asas. Mereka hanya mampu menyediakan kurang daripada separuh daripada keperluan asasi harian tanpa mendapat bantuan daripada mana-mana pihak.

### 2) Golongan Miskin

Mereka yang mempunyai sumber pendapatan yang hanya memenuhi separuh atau lebih daripada keperluan asas untuk hidup tetapi tidak sampai memenuhi had kifayah (kecukupan asas sebenar). Selain itu, mereka memerlukan bantuan kerana hasil pendapatan mereka hanya cukup untuk menampung keperluan asas mereka sesuai mengikut kebiasaan masyarakat.

### 3) Amil Zakat

Amil ialah orang, organisasi atau badan yang mendapat izin oleh kerajaan bagi mengurus, mengutip, mengumpul dan mengagihkan dana zakat. Mereka yang terlibat dengan pekerjaan berkaitan zakat, maka layak mendapat gaji dari dana zakat.

4) Muallaf

Muallaf ialah golongan yang berada di antara batas kekufuran dan keislaman. Ia masih dalam peringkat dipujuk untuk masuk menjadi komoditi Islam yang sah. Pemberian dana zakat terdapat mereka bertujuan menambat hati mereka memeluk agama Islam dan mengukuhkan pendirian dan moral mereka terhadap agama Islam sebagai sokongan terhadap mereka.

5) Hamba

Mereka yang dimiliki oleh tuannya bagi membolehkan mereka membebaskan atau menebus diri masing-masing. Memandangkan pada masa ini, golongan sudah tiada, bahagian zakat mereka dipindahkan kepada golongan-golongan lain yang berhak menerima harta zakat mengikut pendapat ulama fekah.

6) Orang yang Berhutang

Berhutang bukan untuk menjayakan projek-projek maksiat. Hutang terbahagi kepada dua jenis :

a) Berhutang kerana melaksanakan kepentingan individu seperti menjalankan perniagaan tetapi perniagaannya menghadapi kerugian dan tidak berkemampuan untuk membayarnya.

b) Berhutang disebabkan kepentingan orang lain seperti seseorang yang terpaksa berhutang kerana kebajikan awam yang bertujuan persaudaraan dan kebajikan di antara mereka sehingga ia kerugian atau disebabkan kegawatan ekonomi.

7) Ibnu Sabil

Ibnu Sabil ialah orang yang bermusafir tetapi kehabisan belanja semasa dalam musafir disebabkan kecelakaan atau halangan di luar dugaan seperti bencana alam, siasah atau jenayah sehingga tujuan musafir belum tercapai.

## 8) Fisabilillah

Mereka yang terlibat dalam aktiviti untuk mengembangkan dakwah Islam atau untuk menegakkan cara hidup Islam sama ada dari segi fardu ain atau fardu kifayah termasuklah rawatan kesihatan, pembinaan hospital dan pusat pendidikan, pemberian swasta dan sebagainya.

## 2.6 HIKMAH ZAKAT

Hikmah dari zakat antara lain:

1. Mengurangkan jurang antara mereka yang berada dengan mereka yang miskin.
2. Membantu mereka yang berjuang dan berdakwah dalam meninggikan kalimah Allah SWT.
3. Membersihkan dan mengikis akhlak yang buruk
4. Alat pembersih harta dan penjagaan dari ketamakan orang jahat.
5. Ungkapan rasa syukur atas nikmat yang Allah SWT berikan
6. Untuk pengembangan upaya umat
7. Memberi kekuatan moral kepada orang yang baru masuk Islam
8. Menambah pendapatan negara untuk projek-projek yang berguna bagi ummat.

## 2.7 PERKEMBANGAN ZAKAT DI MALAYSIA

### 2.7.1 Zaman Penjajah Inggeris

Kedatangan zaman penjajahan Inggeris, pentadbiran negeri-negeri Melayu dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama adalah berkaitan dengan Islam dan adat-istiadat Melayu di mana ia diserahkan kepada suatu badan negeri yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIAIM). Melalui penubuhan MAIAIM di setiap negeri, pentadbiran zakat telah diletakkan di bawah bidang kuasa badan ini.

Sebahagian kutipan zakat akan diserahkan kepada kerajaan negeri sebagai satu daripada sumber pembiayaan hal ehwal negeri berkaitan dengan Islam. Perkembangan zakat ini adalah berterusan sehingga ke hari ini. Unsur-unsur umumnya tetap sama iaitu kebanyakan pentadbiran zakat setiap negeri adalah di bawah MAIAIM yang terdapat unit zakat.

### **2.7.2 Sejarah Zakat di Malaysia**

Selepas kedatangan Islam di Tanah Melayu, zakat menjadi pegangan umat Islam sebagaimana juga amalan sembahyang, puasa, dan haji yang membentuk rukun Islam yang lima. Walau bagaimanapun, maklumat berkaitan zakat dan pelaksanaannya pada zaman sebelum penjajah secara terperinci amat berkurangan. Apa yang menjadi kebiasaan adalah amalan turun-temurun di mana zakat dikeluarkan oleh penduduk kampung dan seterusnya diberikan kepada guru-guru agama untuk diagihkan kepada asnaf-asnaf.

Pengurusan zakat di Malaysia sebelum tahun 1990-an telah diuruskan oleh Baitulmal di mana badan tersebut bertanggungjawab mengendalikan urusan zakat, sedekah, dan sebagainya. Pungutan zakat pada masa itu tidak mencerminkan potensi zakat sebenar kerana pungutan zakat hanya bertumpu kepada zakat fitrah dan padi manakala zakat lain tidak diberi perhatian. Selain itu, zakat diagihkan terus kepada asnaf secara sendiri dan tiada pengkhususan kerja bagi pegawai zakat. Namun pada era 1990-an, sebuah institusi zakat ditubuhkan untuk mengurus kutipan dan agihan zakat.

### **2.7.3 Pungutan Zakat di Malaysia**

Dengan wujudnya pusat-pusat pengurusan zakat di kebanyakan negeri di Malaysia sekarang, pengurusan zakat boleh dikatakan menjadi semakin berkesan. Secara umum, kebanyakan pusat-pusat pengurusan zakat di negeri-negeri di Malaysia telah mempamerkan prestasi yang semakin baik dan meningkat dari setahun ke setahun.

Di ibu negara misalnya, pungutan zakat telah meningkat sebanyak 25 peratus, dari RM56 juta pada tahun 2000 kepada RM70 juta pada tahun 2001. Di Pulau Pinang, pungutan zakat meningkat dari lebih kurang RM8 juta sejak tahun-tahun sebelum ini kepada RM15 juta pada tahun 2001 (*Utusan Malaysia*, 12 Disember 2002, dipetik dari Laporan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)). Di Selangor pula, zakat fitrah pada tahun 2002 ini sahaja dijangka dipungut sebanyak RM7 juta (*Utusan Online*, 28 November 2002), manakala zakat-zakat lain yang dipungut pada tahun 2001 berjumlah RM61 juta. Selangor sebenarnya mencatatkan pungutan zakat kedua tertinggi selepas Wilayah Persekutuan bagi tahun 2001. Ini diikuti oleh Johor (RM31 juta), Terengganu (RM28 juta), Perak (RM20 juta), Kelantan (RM16 juta), Pulau Pinang (RM15 juta), Negeri Sembilan (RM13 juta), Pahang, Kedah dan Melaka (masing-masing RM12 juta), Sarawak (RM8 juta), Sabah (RM5 juta), dan Perlis (RM3 juta). Keseluruhannya, mengikut Laporan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), jumlah pungutan zakat di seluruh negara pada tahun 2001 ialah RM320 juta (*Utusan Malaysia*, 12 Disember 2002).

#### **2.7.4 Agihan Zakat di Malaysia**

Bagi agihan pula, Wilayah Persekutuan turut mencatatkan angka tertinggi pada tahun 2001, yakni sejumlah RM71 juta, diikuti oleh Selangor (RM50 juta), Johor (RM22 juta), Terengganu (RM18 juta), Perak (RM 15 juta), Pulau Pinang (RM11 juta), Kelantan (RM10 juta), Kedah (RM9 juta), Pahang dan Negeri Sembilan (masing-masing RM8 juta), Melaka (RM7 juta) dan Sabah (RM1 juta). Namun begitu, perangkaan pungutan dan agihan zakat mempamerkan satu fenomena yang agak menghairankan. Di semua negeri kecuali Wilayah Persekutuan, zakat yang dipungut tidak diagihkan kesemuanya kepada asnaf-asnaf. Negeri Selangor hanya mengagihkan RM50 juta dari RM61 juta yang dipungutnya, manakala Johor mengagihkan hanya RM22 juta dari RM31 juta, Terengganu hanya RM18 juta dari RM28 juta, Perak hanya RM15 juta dari RM20 juta.

Kelantan hanya RM10 juta dari RM16 juta, Pulau Pinang hanya RM11 juta dari RM15 juta, Negeri Sembilan hanya RM8 juta dari RM13 juta, Pahang hanya RM8 juta dari RM12 juta, Kedah hanya RM9 juta dari RM12 juta, Melaka hanya RM7 juta dari RM12 juta, dan Sabah hanya RM1 juta dari RM5 juta yang dipungutnya. Keseluruhannya, dari sejumlah RM306 juta zakat yang dipungut di seluruh negara, hanya sejumlah RM230 juta, atau 75.2 peratus sahaja yang diagihkan kepada asnaf-asnaf (Jadual 2.1).

**Jadual 2.1: Pungutan dan Agihan Zakat di Negeri-Negeri Malaysia, 2001 (RM Juta)**

Negeri	Pungutan	Agihan
Wilayah Persekutuan	70	71
Selangor	61	50
Johor	31	22
Terengganu	28	18
Perak	20	15
Kelantan	16	10
Pulau Pinang	15	11
Negeri Sembilan	13	8
Kedah	12	9
Pahang	12	8
Melaka	12	7
Sarawak	8	Tiada maklumat
Sabah	5	1
Perlis	3	Tiada Maklumat
Jumlah	306	230

Sumber: Laporan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).



### **2.7.5 Perundangan Zakat di Malaysia**

Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa perkara-perkara yang berkaitan agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Justeru, peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan zakat yang dibuat oleh Majlis Perundangan Negeri. Kebebasan setiap negeri membuat undang-undang zakat yang tersendiri telah mengakibatkan perbezaan dalam beberapa aspek pentadbiran dan cara penguatkuasaan undang-undang zakat.

## **2.8 ZAKAT NEGERI TERENGGANU**

Unit zakat di Terengganu diletakkan di bawah pengurusan MAIDAM yang mana unit zakat dikendalikan oleh 3 orang Pegawai Hal Ehwal Islam yang berperanan melaksanakan skim pungutan dan agihan yang telah diluluskan oleh majlis dengan mengendalikan dan memproses semua jenis permohonan yang diterima. Setiap permohonan bantuan akan diproses dengan lebih cepat, tepat dan efisien oleh pegawai yang terlibat bagi memastikan landasan kelayakan permohonan agar menepati kriteria yang ditetapkan. Sesuai dengan matlamat agihan zakat, objektif unit ini adalah menjadikan zakat sebagai asas pembangunan sosio-ekonomi negara dan ummah di samping meningkatkan taraf hidup golongan asnaf serta mempertahankan martabat dan maruah ummah sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

Kajian keberkesanan agihan pendapatan zakat ini dikaji di negeri Terengganu yang meliputi keseluruhan kawasan negeri termasuklah tujuh daerah iaitu Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Kemaman, Dungun, Besut dan Setiu. Zakat dari segi bahasa bererti membersihkan, bertambah dan tumbuh. Zakat merupakan ibadah yang bercorak sosial-ekonomi, sebagai kewajiban seseorang muslim atau badan hukum yang dimilikinya untuk mengeluarkan sebagian hak miliknya kepada pihak yang berhak untuk menerimanya (mustahiq) agar tercipta pemerataan ekonomi yang berkeadilan.

Zakat adalah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam yang berkelayakan dan cukup syarat-syaratnya untuk mengeluarkan sebahagian hartanya kepada golongan yang berhak kerana harta tersebut adalah bukan hak milik mutlak manusia, tetapi kurniaan daripada Allah SWT kepada manusia sebagai pemegang amanah. Pengeluaran zakat adalah bertujuan menyucikan harta dan diri sendiri daripada perkara-perkara yang tidak menjadi hak milik sendiri.

Mulai Julai 2002, kaunter-kaunter zakat MAIDAM telah dikenali sebagai Pusat Urusan Zakat (PUZ) MAIDAM. setiap daerah diwujudkan sebuah PUZ yang terletak di tempat-tempat strategic bagi memudahkan pembayar-pembayar zakat berurusan. Unit zakat ini memainkan dua peranan penting iaitu memungut dan mengagihkan wang-wang zakat yang dikumpulkan kepada asnaf-asnaf yang berhak dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di Negeri Terengganu.

### **2.8.1 Pungutan Zakat**

Berdasarkan hasil pungutan zakat di negeri Terengganu yang di keluarkan oleh PUZ negeri, ia merangkumi lapan jenis zakat iaitu zakat fitrah, padi, wang simpanan, ternakan, perniagaan, galian, pendapatan dan emas, Secara puratanya, hasil pungutan zakat di negeri Terengganu menunjukkan peningkatan yang positif setiap tahun. Namun begitu, keberkesanan dan prestasi yang baik ini pasti sekali sentiasa mahu dipertingkatkan. Keadaan ini terbukti apabila secara puratanya, unit zakat negeri Terengganu menunjukkan peningkatan yang positif dalam jumlah pungutan dari tahun 1998 hingga 2007 berdasarkan jadual 2.2. Purata peningkatan pungutan zakat di negeri Terengganu ialah sebanyak 27.26 peratus sepanjang 10 tahun kebelakangan ini. Oleh itu, hasil ini perlu ditingkatkan lagi pada masa akan datang supaya agihan zakat lebih berkesan.



## 2.8.2 Agihan Zakat

Keadaan yang sama berlaku di negeri Terengganu yang menunjukkan jumlah agihan adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah pungutan zakat tahunan seperti yang ditunjukkan jadual 2.3. Dalam proses agihan zakat, sepatutnya semua hasil pungutan zakat wajib diagih-agihkan kepada asnaf - asnaf yang ada dalam Negeri Terengganu tetapi mengutamakan golongan sasaran yang terpenting seperti fakir dan miskin. Oleh itu, jumlah agihan adalah tidak wajib disamakan pengagihan zakat antara satu asnaf dengan asnaf yang lain. Pusat Pungutan Zakat Terengganu atau wakil yang diberi kuasa bagi pihaknya boleh menentukan kadar agihan antara satu asnaf dengan asnaf yang lain dan begitu juga antara seseorang dengan lain dalam tiap-tiap asnaf.

Fenomena sedemikian mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor. Salah satunya ialah kerana terdapatnya jurang perhubungan antara pusat-pusat pengurusan zakat dengan asnaf-asnafnya. Dalam banyak kes, pihak pengurusan zakat tidak dapat mengenalpasti asnaf-asnafnya secara tepat, terutamanya fakir miskin. Ini diakui sendiri oleh Pegawai Perhubungan Awam Pusat Zakat Selangor (PZS), Akhtar Sahari. Beliau mengakui pihaknya tidak dapat mengenalpasti jumlah keseluruhan fakir miskin dengan tepat kerana sukar mendapat maklumat lengkap, terutamanya tentang mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Pada tahun 2002, pihaknya telah mengagihkan zakat kepada 7,834 orang fakir miskin, tetapi pada jangkaannya, jumlah ini hanyalah merupakan 80 peratus sahaja dari seluruh fakir miskin yang berada di Selangor. Untuk mengatasi masalah ini, Akhtar Sahari meminta orang ramai memberikan maklumat tentang fakir miskin di kawasan masing-masing secepat mungkin (*Utusan Online*, 28 November 2002).

**Jadual 2.2 : Penyata pungutan zakat negeri Terengganu bagi tahun 1998 hingga 2007**

TAHUN	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007
Fitrah	2254451	2592378	3199278	5519304	5105412	5439584	4200832	4078977	3937960	3947413
Padi	409997	358105	490531	347466	314935	323777	271777	293495	281550	261862
W/Simp	7744372	6171727	8777843	10432509	1005950	10863771	9804788	9126820	9790231	10793249
Ternakan	8240	23080	11960	17178	16350	28142	17700	45320	32744	37574
Perniagaan	2605784	3234760	6314485	5780677	7186476	8271459	7097380	10555369	12181837	15037327
Galian	0	0	0	2510	7498	5152	0	0	0	0
Pendapatan	0	119394	1937026	6085776	10140932	14366619	13552463	14528727	14652944	18021838
Emas	0	0	24733	61922	181414	217150	220584	241169	314770	420077
<b>JUMLAH</b>	<b>13022844</b>	<b>12499444</b>	<b>20755856</b>	<b>28247343</b>	<b>33004967</b>	<b>39515555</b>	<b>25165524</b>	<b>38869876</b>	<b>41192036</b>	<b>48519340</b>

sumber : unit pungutan zakat negeri Terengganu, MAIDAM

**Jadual 2.3 Penyata agihan zakat negeri Terengganu bagi tahun 1998 hingga 2007**

TAHUN	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	2325501	2884611	2608053	2324236	2342794	3532027	3669841	2525630	260116	2537374
Miskin	4416960	8065871	7016123	6718414	10670143	15519382	18829496	18675494	17472685	17578805
Amil	675941	710826	866205	1790878	2116271	2333770	2736874	2428507	2807305	4347327
Muallaf	266183	292584	492400	545316	597794	494772	537609	821476	806759	11736320
Al-Riqab	0	0	2000	0	1000	0	2030000	0	30035	58535
Al-Garimin	1771264	937442	227785	31162	29994	58884	23254	21024	22600	35138
Fisabilillah	1044904	1103881	1965404	7552074	6209280	11541806	10267624	3923855	513698	5456867
Ibnu Sabil	40049	114984	61600	6485	6727	1996	1720	2447	4480	9055
<b>JUMLAH</b>	<b>10540803</b>	<b>14110200</b>	<b>13239570</b>	<b>18968566</b>	<b>21974003</b>	<b>33482637</b>	<b>38096418</b>	<b>28398433</b>	<b>28902677</b>	<b>31759422</b>

sumber : unit pungutan zakat negeri Terengganu, MAIDAM

### 2.8.3 KDNK Negeri Terengganu

Jadual 2.4 menunjukkan jumlah KDNK yang diperolehi daripada buku data asas negeri Terengganu yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu menunjukkan purata peningkatan sebanyak 13.79 peratus sepanjang 10 tahun iaitu dari RM 13383 juta pada tahun 1998 meningkat kepada RM 31844 juta. Jumlah KDNK negeri Terengganu adalah meliputi pendapatan semua sektor termasuklah pertanian, perhutanan, ternakan perlombongan, perdagangan borong, runcit, restoran, hotel dan sebagainya. Oleh kerana salah satu daripada hasil pungutan zakat adalah daripada sektor pertanian dan perniagaan yang dikira dalam KDNK, maka jumlah KDNK juga merupakan faktor yang mempengaruhi secara langsung jumlah agihan zakat kepada golongan penerima.

**Jadual 2.4 Jumlah Pendapatan KDNK negeri Terengganu bagi tahun 1998 hingga 2007**

TAHUN	KDNK (RM juta)
1998	13383
1999	13957
2000	14263
2001	14504
2002	14950
2003	15463
2004	16100
2005	16821
2006	30184
2007	31844

sumber : buku data asas Negeri Terengganu  
Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu

#### 2.8.4 Kemiskinan Negeri Terengganu

Usaha mengatasi kemiskinan adalah antara agenda utama kerajaan Negeri Terengganu dan usaha-usaha untuk menambahkan pendapatan rakyat sentiasa diberikan perhatian bersesuaian dengan matlamat kerajaan negeri untuk membina mujtama' madani. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri sedang membuat kajian yang menyeluruh di bawah selian agensi kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPENT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), MAIDAM, Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) dan lain-lain untuk menganalisis status permasalahan kemiskinan dan seterusnya melaksanakan strategi dan program jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan taraf ekonomi golongan miskin dan termiskin.

**Jadual 2.5 : Statistik kemiskinan mengikut daerah di negeri Terengganu bagi 2007**

DAERAH	Produktif		Non produktif		JUMLAH
	Miskin tegar	Miskin	> 60 tahun	cacat	
BESUT	835	1441	1170	164	2775
DUNGUN	516	923	1439	96	2458
H. TERENGGANU	268	814	1582	394	2790
KEMAMAN	293	773	1254	418	2445
K. TERENGGANU	758	1554	3769	1379	6702
MARANG	553	981	1097	436	2514
SETIU	476	970	794	349	2113
JUMLAH	3699	7456	11105	3236	21797

sumber : sistem profil rakyat miskin terengganu (statistik asas kemiskinan)  
Jabatan Perbendaharaan Wisma Darul Iman

Mekanisme baru yang berteraskan Islam, misalnya peranan institusi Islam seperti zakat dan Baitulmal dalam konteks pengurangan kemiskinan. Oleh itu, pengenalpastian kriteria dan indikator penentuan kemiskinan bagi menentukan kumpulan sasaran serta pembinaan peringkat data dan maklumat mengenai reformasi mekanisme pelarasan, program-program yang dilaksanakan di bawah unit zakat dan Baitulmal.

Menurut buku panduan skim agihan zakat yang dikeluarkan oleh MAIDAM, kerajaan negeri telah bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan am yang diberikan dahulu antara RM150 hingga RM200 kepada RM250 hingga RM300 di mana bantuan bagi golongan fakir, miskin dan muallaf dalam bentuk kewangan bulanan manakala RM100 hingga RM1000 kepada mereka yang sedang menghadapi masalah kewangan sama ada untuk keperluan diri atau tanggungan yang amat diperlukan serta bantuan-bantuan lain yang seperti bantuan persekolahan, perubatan, sewa rumah, bantuan hari raya dan sebagainya.

## **2.9 KAJIAN LEPAS**

Kajian mengenai Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah oleh Patmawati bte Hj Ibrahim (2006) bertujuan untuk membuktikan peranan agihan zakat dalam meningkatkan ekonomi ummah dengan menjelaskan kedudukan zakat dalam kehidupan Muslim serta peranan agihan zakat, di mana zakat berperanan mengatasi masalah sosio ekonomi umat Islam melalui agihan semula pendapatan, yang mampu mengurangkan jurang agihan pendapatan dan pembasmian kemiskinan bagi membuktikan potensi zakat dalam meningkatkan ekonomi ummah. Keputusan kajian menunjukkan bahawa agihan zakat berjaya merapatkan jurang agihan pendapatan serta menurunkan kadar dan beban kemiskinan.

Kajian mengenai Kesan Bantuan Zakat terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin dijalankan oleh Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor (2005) menjelaskan tentang kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin dengan menggunakan data primer melalui soalselidik di daerah Jerantut, Pahang, daerah Taiping, Perak dan daerah Sandakan, Sabah. Kajian ini menggunakan persampelan secara rawak 140 individu dan cuba menganggar kebarangkalian perasaan penerima zakat terhadap kualiti hidup mereka kesan daripada penerimaan zakat dengan menggunakan model logit Hasil kajian mendapati bantuan zakat memberi kesan yang signifikan kepada kualiti hidup golongan miskin terutamanya aspek pendidikan dan penyertaan sosial.



Kajian Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan : Isu dan Cabaran ditulis oleh Zulkefly Abdul Karim, Mohd. Azlan Shah Zaidi dan Hairunnizam Wahid (2006) membincangkan prestasi kutipan dan perbelanjaan zakat dengan menggunakan kaedah analisis tren perbelajaan zakat antara negeri dalam tempoh 1990 hingga 2001, membandingkan corak agihan dana zakat kepada golongan sasaran antara negeri dengan memberikan tumpuan kepada golongan sasaran yang terpenting. Kajian ini juga membincangkan beberapa isu-isu penting, cabaran dan beberapa implikasi dasar untuk memantapkan lagi institusi zakat di setiap negeri. Hasil kajian mendapati pendapatan zakat semakin bertambah dari tahun ke tahun namun, pengagihan zakat secara sempurna kepada asnaf masih belum tercapai. Analisis tren dan perbandingan pendapatan dan perbelanjaan yang dilakukan menampakkan semua negeri masih kurang membelanjakan hasil pungutan zakat kepada asnafnya. Pengkaji menyarankan Baitulmal negeri dan Pusat Zakat Negeri memberi lebih perhatian kepada isu pengagihan zakat ini dan setiap institusi harus membuat pelaburan dengan menambahkan bilangan kakitangan dan mengatur strategi untuk membelanjakan pendapatan zakat dengan lebih berkesan.

Seterusnya kajian yang ditulis oleh Sanep Ahmad dan Hairunnuzam Wahid (2005) bertajuk Penerimaan dan Tanggapan Masyarakat terhadap sumber zakat Harta yang Diikhtilaf mengkaji penerimaan dan tanggapan masyarakat serta menilai apakah faktor penentu penerimaan masyarakat terhadap langkah memperluaskan sumber zakat yang diikhtilaf. Kajian ini menggunakan data primer yang disampel daripada responden setiap negeri seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak seramai 2500 responden individu. Data dianalisis menggunakan analisis diskriptif seperti jadual kekerapan, jadual peratusan, jadual silang dan ujian Chi. Hasil mendapati bahawa masyarakat mempunyai tanggapan yang positif ke atas langkah ini dan memberi sambutan yang baik jika usaha dilakukan untuk mengenakan zakat ke atas berbagai jenis harta yang diikhtilaf. Kajian ini dapat memberi keyakinan dan menghilangkan keraguan banyak pihak tentang penerimaan masyarakat ke atas langkah memperluaskan asas zakat.

Kajian Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Malaysia yang ditulis oleh Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor (2005) membincangkan kesedaran pengguna untuk membayar zakat pendapatan dan langkah yang bagi meningkatkan kesedaran tersebut. Analisis regresi logistik dilakukan bagi mengenalpasti pembolehubah yang signifikan dalam mempengaruhi kesedaran membayar zakat pendapatan dengan menggunakan data primer yang diperoleh melalui persampelan secara rawak ke atas 2500 individu mengikut negeri di Semenanjung Malaysia. Hasil kajian menunjukkan faktor-faktor yang menyumbang kepada pembayaran zakat pendapatan di Malaysia seperti umur, taraf perkahwinan dan pendapatan adalah signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan di samping mekanisma pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji.

Kajian mengenai Kesan Persepsi Undang-undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji oleh Kamil Md. Idris (UUM Sintok, Kedah) (2004) menyatakan faktor yang mempengaruhi kutipan zakat bergantung kepada dua aspek iaitu pentadbiran dan pengurusan unit zakat dan gelagat kepatuhan masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan analisis regrasi logistik. Dapatan kajian menunjukkan pembolehubah yang digunakan mempunyai tahap kepercayaan dan kesahihan yang baik untuk meningkatkan lagi kefahaman tentang teori gelagat kepatuhan zakat.

Kajian oleh Abdul Hakim Amir Bin Osman, Pengurus Operasi Pusat Pungutan Zakat – MAIWP mengenai Potensi Pembayar Dan Kutipan Zakat Di Malaysia bertujuan untuk melihat potensi umat Islam yang layak membayar serta potensi kutipan Zakat Harta dengan menggunakan data statistik melalui pengamatan dan pengalaman. Pengkaji menggunakan kaedah unjuran potensi zakat mengikut jenis zakat. Hasil kajian mendapati bahawa pelbagai pendekatan diambil untuk membuat unjuran potensi pembayar dan kutipan seperti perbandingan nisbah zakat, purata bayaran dan jumlah potensi pembayar. Kajian ini membantu pengamal zakat untuk merancang aktiviti serta membuat sasaran bagi meningkatkan kutipan zakat.

Menurut Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi, Presiden Persatuan Ekonomi dan Pengurusan Islam Malaysia (IEMAM) dalam artikel bertajuk Peranan Zakat Dalam Membantu Pembangunan Ekonomi Negara menyatakan isu terpenting mengenai peranan zakat dalam pembangunan negara sebagai asas sistem fiskal atau percukaian Islam dan alat untuk membantu golongan fakir dan miskin. Beliau telah menyatakan terdapat enam kepentingan zakat ke arah pembangunan ekonomi. Zakat mampu meningkatkan permintaan kerana salah satu komponen dalam kiraan KDNK atau KNK, zakat pendorong kepada pelaburan dan sebagai alat paling berkesan untuk membantu golongan miskin kerana merupakan ibadat khusus untuk menghubungkan silaturrahim di kalangan masyarakat.

Kajian Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia oleh Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md. Nor (2004) membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan yang dilihat daripada pelbagai perspektif dan seterusnya menentukan factor yang signifikan menyumbang kepada pembayaran zakat pendapatan. Kajian ini menggunakan model regresi logistik untuk menguji pembolehubah yang dipilih terhadap pembayaran zakat. Dapatan kajian menunjukkan faktor iman dan pengetahuan agama amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan.

## **2.10 PENUTUP**

Perkembangan zakat di negeri Terengganu menunjukkan perkembangan yang positif dan memberangsangkan selaras dengan perkembangan jumlah pendapatan zakat, KDNK dan kadar inflasi. Jumlah pungutan zakat dapat ditingkatkan lagi sekiranya timbul kesedaran yang tinggi dalam diri masyarakat tentang kepentingan membayar zakat demi mengurangkan bebanan golongan penerima zakat. Jumlah pungutan, KDNK dan kadar inflasi akan mempengaruhi jumlah agihan zakat kepada asnaf yang layak. Oleh yang demikian, semakin tinggi jumlah kutipan dan KDNK, semakin tinggi nilai agihan walaupun kadar inflasi secara langsung merupakan faktor utama penentu jumlah agihan untuk kepentingan umat Islam yang layak.



## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan aspek penting bagi membuktikan segala objektif yang telah dirangka. Objektif utama kajian ini adalah bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang menentukan jumlah agihan zakat yakni keberkesanan agihan zakat kepada asnaf yang layak di negeri Terengganu. Oleh itu bab ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dilaksanakan bermula dengan proses pembentukan model, kaedah pengumpulan data serta kaedah penganggaran yang digunakan dalam kajian untuk melihat hubungan antara semua pembolehubah bersandar dan bebas. Penerangan terhadap model merangkumi pembolehubah bersandar dan tidak bersandar yang akan digunakan untuk menganalisis kajian yang dijalankan. Semua kaedah yang akan digunakan dalam membuat pembentukan model dan kaedah penganggaran adalah menggunakan aplikasi daripada kaedah ekonometrik yang telah dipelajari.

Kajian ini menggunakan data sekunder iaitu penggunaan data siri masa yang melibatkan tempoh di antara tahun 1993 hingga 2007. Oleh kerana kajian ini menggunakan data siri masa, maka kaedah analisis bagi data siri masa digunakan untuk menguji beberapa ujian statistik seperti kepegunan data (*unit root test*), ko-integrasi (*cointegration*) dan ujian arah penyebab (*causality test*). Kesemua data siri masa adalah dalam bentuk log dan dianalisis menggunakan perisian Econometric View (E-View).

### 3.2 MODEL KAJIAN

Teori kajian yang dihasilkan adalah memperlihatkan bagaimana pengujian dilakukan ke atas data dan secara khusus, model akan di spesifikasi mengikut prosedur pegujian lebih terperinci. Pembentukan model tersebut adalah berdasarkan tajuk kajian iaitu kajian Kajian Keberkesanan Agihan Zakat di negeri Terengganu. Model kajian ini dibahagikan kepada dua bentuk pengujian iaitu, ujian berbentuk integrasi dan ujian kolerasi. Pembentukan model bagi setiap kategori akan dihuraikan secara terperinci bagi memudahkan ujian dilakukan untuk menentukan sejauh mana hubungan di antara pembolehubah saling berhubung antara satu sama lain. Semua faktor-faktor ini akan dibentuk dengan menggunakan model regrasi linear untuk tujuan penganggaran analisis. Model regrasi dapat ditunjukkan seperti berikut:-

$$\ln AZ_t = \beta_0 + \beta_1 \ln HZ_t + \beta_2 \ln KDNK_t + \beta_3 \ln INF_t + \varepsilon_t$$

t = siri masa

$\beta$  = pekali yang dianggarkan

$\varepsilon$  = sebutan ralat

AZ = jumlah agihan zakat

HZ = jumlah hasil pungutan zakat

KDNK = Keluaran Dalam Negara Kasar negeri Terengganu

INF= kadar inflasi

### 3.3 SPESIFIKASI MODEL

Model kajian yang dihasilkan adalah berdasarkan model ekonometrik yang digunakan untuk mewujudkan hasil kajian yang akan diperolehi dalam sesuatu kajian. Pembentukan model tersebut adalah berdasarkan tajuk kajian. Model kajian ini dibahagikan kepada dua bentuk pengujian iaitu, ujian berbentuk integrasi dan ujian kolerasi. Pembentukan model bagi setiap kategori akan dihuraikan secara terperinci di dalam sub topik-sub topik selanjutnya bagi memudahkan ujian dilakukan untuk menentukan sejauh mana hubungan di antara pembolehubah saling berhubung antara satu sama lain.

### **3.4 KOLEKSI DATA**

Dalam bahagian ini, sumber data dan skop data serta pembolehubah-pembolehubah zakat, KDNK dan kadar inflasi akan dibincangkan.

#### **3.4.1 SUMBER DATA DAN SKOP DATA**

Kesemua data yang dikumpul untuk kajian ini ialah data siri masa berbentuk tahunan digunakan di mana melibatkan data 15 tahun iaitu bermula dari tahun 1993 sehingga tahun 2007.

Data tahunan yang digunakan dalam kajian ini merupakan data sekunder yang diperolehi daripada terbitan-terbitan statistik di agensi-agensi tertentu seperti Laporan Ekonomi Tahunan, jurnal-jurnal dan bahan-bahan rujukan yang lain. Antara agensi-agensi yang terlibat dalam pengumpulan data adalah seperti berikut:

- i. Pusat Urusan Zakat, MAIDAM
- ii. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
- iii. Perpustakaan Awam Negeri Terengganu
- iv. Jabatan Perangkaan Negeri Terengganu
- v. Agensi-agensi lain yang berkaitan

### **3.5 TREN SIRI MASA**

Kajian ini menggunakan tren siri masa bagi pembolehubah-pembolehubah ekonomi yang dikaji dari tahun 1993 sehingga tahun 2007. Kajian tren ini adalah untuk melihat perubahan yang berlaku bagi sesuatu pembolehubah dalam tempoh 15 tahun yang meliputi pembolehubah jumlah pungutan dan agihan zakat, KDNK dan kadar inflasi.

## **3.6 SPESIFIKASI MODEL**

Teori kajian yang dihasilkan adalah memperlihatkan bagaimana pengujian dilakukan ke atas data dan secara khusus, model akan di spesifikasi mengikut prosedur pegujian lebih terperinci. Pembentukan model tersebut adalah berdasarkan tajuk kajian iaitu kajian mengenai keberkesanan agihan zakat di negeri Terengganu.

Model kajian ini dibahagikan kepada dua bentuk pengujian iaitu, ujian berbentuk integrasi dan ujian kolerasi. Pembentukan model bagi setiap kategori akan dihuraikan secara terperinci bagi memudahkan ujian dilakukan untuk menentukan sejauh mana hubungan di antara pembolehubah saling berhubung antara satu sama lain.

### **3.6.1 KORELASI**

Ujian korelasi merupakan kaedah yang paling sesuai untuk melihat hubungan antara penyebab antara dua pembolehubah yang berlainan. Bagi data yang bersifat data siri masa, ujian korelasi diadaptasikan untuk mengesan masalah kolineariti berbilang yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Masalah ini wujud di antara pembolehubah tidak bersandar. Apabila pembolehubah tidak bersandar dalam persamaan regresi adalah berstokastik, maka sifat penganggar Kuasa Dua Terkecil (OLS) akan bergantung kepada pembolehubah rawak.

### **3.6.2 INTEGRASI**

Analisis data dalam kajian ini terlebih akan dilakukan dengan menggunakan ujian punca unit, kointegrasi dan seterusnya ujian penyebab Granger antara faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah agihan zakat negeri.

### 3.7 ANALISIS DATA

#### 3.7.1 Ujian Punca Unit

Memandangkan data yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk siri masa, maka Ujian Punca Unit atau lebih sinonim dengan istilah “Ujian Kepegunan” adalah perlu. Sesuatu data siri masa dianggap sebagai pegun (*stationary*) jika nilai min variannya adalah konstan terhadap masa. Sebaliknya sesuatu siri masa itu dikatakan tidak pegun atau ketidakpegunan (*non-stationary*) min berlaku jika nilai min dan varian siri masa berkenaan adalah berubah mengikut masa.

Dengan andaian  $Y_t$  ialah stokastik siri masa, nilai min, varian dan kovariannya adalah seperti berikut :

$$\text{Min: } E(Y_t) = \mu \quad \text{-----(1a)}$$

$$\text{Varian: } \text{Var}(Y_t) = E(Y_t - \mu)^2 - \sigma^2 \quad \text{-----(1b)}$$

$$\text{Kovarian } Y_k = E [(Y_t - \mu) (Y_{t+k} - \mu) ] \quad \text{-----(1c)}$$

Berdasarkan persamaan di atas yang mana:  $Y_t$  ialah kovarians antara  $Y_t$  dan  $Y_{t+k}$  pada lat  $k$ . Jika  $Y_t$  adalah tidak pegun atau ketidakpegunan, nilai min, varian dan kovarians adalah sama sungguh pun pada peringkat lat  $k$ . Keadaan ini boleh dikesan dengan merujuk kepada nilai  $R^2$  yang melebihi nilai  $d$ -Durbin Watson (data pegun).

Dalam persoalan untuk membuat jangkaan terhadap model samada menggunakan kaedah Kuasa Dua Terkecil (OLS) atau sistem anggaran, ini adalah perlu untuk mempertimbangkan sifat pemprosesan yang menghasilkan satu siri pembolehubah. Model yang mengandungi pembolehubah ketidakpegunan mungkin akan menghasilkan masalah regresi yang palsu (*spurious regression*) dan seterusnya menghasilkan keputusan yang tidak tepat.

Ia dimulakan dengan satu data yang mudah, dikatakan satu pembolehubah  $Y_t$  dicipta seperti proses di bawah ( first- order autogressive):

$$Y_t = \rho Y_{t-1} + \mu_t \quad \text{-----(2)}$$

Oleh itu, nilai semasa bagi pembolehubah  $Y_t$  bergantung kepada nilai semasa terakhir  $Y_{t-1}$ ,  $\mu$  iaitu pembolehubah ralat dan memenuhi semua andaian kaedah Kuasa Dua Terkecil (OLS) iaitu min sifar, varians konstan ( $\sigma^2$ ) dan tidak berautokolerasi. Kemudian lakukan OLS terhadap persamaan 2 di atas. Pembolehubah  $Y_t$  akan pegun jika  $|\rho| < 1$ . Jika nilai  $\rho \geq 1$ , kita boleh mengandaikan bahawa pembolehubah mempunyai masalah punca unit atau ketidakpegunan. Dalam ekonometrik, pembolehubah yang mempunyai masalah ini lebih dikenali sebagai '*random walk*'. Bagi menyelesaikan masalah ini, kita perlu melakukan pembezaan terhadap pembolehubah ini sehingga mencapai tahap kepegunan. Pengujian kepegunan yang kerap dilakukan adalah menggunakan Ujian Augmented Dickey-Fuller dan Ujian Phillip-Perron.

## UJIAN AUGMENTED DICKEY-FULLER (ADF)

Ujian ADF, 1979 mengandaikan bahawa faktor gangguan tidak berkolerasi dan mempunyai varians yang malar. Sekiranya sesuatu siri masa itu hanya dibezakan sekali sahaja dan mencapai kepegunan maka ianya dilabelkan sebagai pembolehubah berintegrasi darjah pertama (*integrated of first order*) dan ditulis sebagai  $I(1)$ .

Kemudiannya, jika sesuatu siri masa itu dibezakan sebanyak dua kali sebelum ia mencapai kepegunan maka ia dikatakan adalah integrasi darjah kedua  $I(2)$ . Jika siri harus dibezakan lebih daripada dua kali iaitu sebanyak  $d$  kali sebelum ia menjadi pegun maka ia harus mengandungi  $d$  punca unit dan boleh dikatakan integrasi darjah  $d$  dan ditandakan sebagai  $I(d)$ .

Dalam ujian ini, hipotesis yang digunakan ialah  $H_0: \beta = 0$  (*non-stationary*) dan  $H_1: \beta \neq 0$  (*stationary*). Nilai statistik yang digunakan adalah t-statistik untuk dibandingkan dengan nilai kritikal MacKinnon. Jika nilai t-statistik lebih besar daripada nilai kritikal MacKinnon, maka  $H_0$  akan ditolak. Ini bermakna siri masa tersebut adalah pegun dan sebaliknya sekiranya t-statistik adalah lebih kecil daripada nilai kritikal MacKinnon, maka  $H_0$  gagal ditolak yang membawa maksud siri masa adalah tidak pegun dan proses perbezaan peringkat seterusnya perlu dilakukan.



## UJIAN PHILLIP-PERRON

Ujian PP, 1978 dilihat mempunyai kekuatan tersendiri, kerana ia mengambil kira masalah-masalah yang berkemungkinan dihadapi dalam faktor gangguan, terutamanya jika varians dalam faktor gangguan adalah bersifat tidak malar. Ujian Phillip-Perron bermula dengan menganggar persamaan-persamaan berikut;

$$\Delta X_t = \mu_1 + \alpha_1 X_{t-1} + \varepsilon_t \dots\dots\dots(3a)$$

$$\Delta X_t = \mu_1 + \alpha_1 X_{t-1} + \alpha_2 t + \varepsilon_t \dots\dots\dots(3b)$$

dimana  $\Delta X_t$ , merupakan pembezaan pertama siri  $X_t$  dan  $t$  merupakan tren masa. Persamaan (3a), untuk  $X_t$  menjadi pegun, nilai statistik-t dan  $Z(\tau_{\alpha,\mu})$  mesti bernilai negatif serta paras signifikan yang berbeza dengan nilai sifar. Bagi persamaan (3b), untuk  $X_t$  menjadi pegun, nilai statistik-t dan  $Z(\tau_{\alpha,\mu})$  mesti bernilai negatif serta paras signifikan yang berbeza dengan nilai sifar.

Justeru, tidak hairan jika ditegaskan bahawa Ujian Statistik Phillip Perron adalah hasil pengubahsuaian daripada Ujian Statistik-t Dickey-Fuller, yang telah mengambil kira faktor gangguan. Namun nilai kritikal bagi Ujian Phillip-Perron adalah sama seperti mana nilai kritikal yang diperolehi dari MacKinnon. Oleh sebab itu hipotesis yang boleh dibentuk adalah:

$$H_0: \rho=1 \text{ (non-stationary)}$$

$$H_1: \rho \neq 1 \text{ (stationary)}$$

Nilai  $H_0$  menunjukkan bahawa wujud ketidakpegunan bagi data siri masa sebaliknya  $H_1$  adalah menerangkan kepegunan terhadap suatu data siri masa.

### 3.7.2 Ujian Kointegrasi

Ujian Kointegrasi merupakan satu kaedah untuk melihat hubungan jangka panjang antara pembolehubah-pembolehubah dalam suatu analisis regresi berbentuk siri masa. Ia juga menggambarkan hubungan linear jangka panjang di antara di antara dua pembolehubah yang dapat menunjukkan keseimbangan hubungan antara satu sama lain.

Kointegrasi menunjukkan kombinasi linear bagi pembolehubah yang tidak pegun. Oleh sebab itu, kajian ini mengadaptasi kerangka kerja Johansen untuk mendapatkan keputusan kointegrasi yang mantap. Kajian ini menggunakan "Vector Auto Regression" atau dikenali sebagai pendekatan VAR untuk melihat hubungan jangka panjang pembolehubah-pembolehubah dalam kajian.

Pengukuran kointegrasi ini dapat dilakukan melalui dua pengujian iaitu Ujian Nilai Maksimum Eigen dan Ujian Jejak (Trace). Ujian formal bagi bilangan pembolehubah yang berkointegrasi antara satu sama lain adalah berdasarkan Ujian Nilai Maksimum Eigen (Maximum Eigenvalue) yang merupakan Ujian Likelihood Ratio (LR).

Manakala Ujian Jejak (Trace) pula berdasarkan Schwarz Bayesian Criterion (SBC) dalam menentukan bilangan lat (lag) dalam penganggaran model kajian. Persamaan di bawah menunjukkan peranan kedua-dua ujian dalam menentukan hubungan kointegrasi dalam kajian.

#### **UJIAN NILAI MAKSIMUM EIGEN:**

$$P_r = -T \log (1 - \lambda_i) \text{ -----(4a)}$$

#### **UJIAN JEJAK (TRACE):**

$$\eta_r = -T \log \sum_{i=0}^r \alpha (1 - \lambda_i) \text{ -----(4b)}$$

di mana,  $\rho_r$  merujuk kepada penganggaran statistik bagi Nilai Maksimum Eigen dan  $\eta_r$  pula merujuk kepada penganggaran statistik bagi Ujian Jejak (Trace). Sementara, nilai T pula merujuk kepada bilangan cerapan bebas dan  $\lambda_i$  merujuk kepada nilai-nilai eigen bagi pangkat i dan nilai  $r = 1$  atau  $r \geq 1$ . Bagi melihat sama ada wujud hubungan kointegrasi, hipotesis berikut telah diaplikasi dalam kajian ini;

$$H_0: r_1 = 0, r \leq 1$$

$$H_1: r_1 > 0, r \geq 1$$

$H_0$  merujuk kepada ketidakwujudan kointegrasi dan  $H_1$  pula merujuk kepada kewujudan aspek kointegrasi.

### 3.7.3 Vektor Autoregrasi (VAR)

Secara umumnya, VAR digunakan secara meluas dalam membuat jangkaan terhadap makroekonomi dan dalam aplikasi ekonomi lain untuk melihat gelagat ekonomi malalui masa. VAR sering digunakan dalam membuat jangkaan terhadap siri masa yang saling berkait dan untuk menganalisis impak dinamik perubahan rawak terhadap pembolehubah yang dikaji berlandaskan nilai-nilai lepas setiap pembolehubah.

Kaedah VAR mengelakkan penstrukturan model dengan mengandaikan semua pembolehubah endogen sebagai satu fungsi nilai lag. Model VAR adalah mudah untuk dianggarkan kerana ia menggunakan model OLS selagi semua pembolehubah adalah pegun. Pembezaan perlu dilakukan untuk mengelakkan masalah oleh punca unit.

Kebiasaanya kita boleh menguji kewujudan punca unit dengan Ujian ADF sebelum menggunakan suatu pembolehubah dalam VAR, pembezaan harus dilakukan jika perlu sehingga semua pembolehubah menunjukkan kepegunan data siri masa.

### 3.7.3 Ujian Penyebab Granger (Granger Causality)

Oleh kerana kajian ini menggunakan data berbentuk data siri masa, maka prosedur Ujian Sebab-Akibat atau lebih dikenali sebagai Granger-Causality menjadi pengukur utama kajian. Dalam melihat hubungan penyebab antara pembolehubah jumlah agihan dan pungutan zakat, KDNK dan kadar inflasi, prosedur ujian penyebab Granger akan digunakan. Pembolehubah bersandar iaitu jumlah agihan zakat (AZ) diandaikan  $Y_t$  dan pembolehubah bebas iaitu HZ, KDNK, dan INF diandaikan  $X_t$ .

Pembolehubah  $X_t$  dikatakan penyebab Granger terhadap  $Y_t$ , jika lat (*lag*) yang dimasukkan ( $X_{t-1}, X_{t-2}, \dots, X_{t-n}$ ) akan meningkatkan jangkaan bagi  $Y_t$ . Keadaan sama juga, apabila pembolehubah  $Y_t$  dikatakan Penyebab Granger apabila lat (*lag*) yang dimasukkan ( $Y_{t-1}, Y_{t-2}, \dots, Y_{t-n}$ ) menyebabkan jangkaan bagi  $X_t$  mempunyai nilai ralat min kuasa dua yang kecil.

Bagi menyokong hipotesis AZ dalam kajian ini yang membawa kepada faktor-faktor mempengaruhi keberkesanan agihan zakat melalui ujian Sebab-Akibat Granger, pembolehubah HZ ( $\ln HZ_t$ ) mesti mempengaruhi nilai agihan dalam bentuk Granger-Causality dan ia mesti secara signifikan positif. Bagi merealisasikan kajian ini tanpa sebarang penganggaran palsu, maka ujian kepegunan (ADF test) sewajarnya dilakukan. Jika tidak, Ujian Statistik-F dalam Ujian Sebab-Akibat Granger akan memperlihatkan taburan yang tidak normal serta keputusan empirikal yang mengelirukan. Dalam kajian ini, ujian kepegunan ADF digunakan untuk mengenalpasti punca unit dalam data siri masa dan hasil keputusannya dilaporkan.

## **3.8 DEFINISI PEMBOLEHUBAH**

### **3.8.1 Pembolehubah Zakat**

#### **1) Zakat**

Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang difardukan ke atas umatnya. Ia dapat menyucikan pengeluarannya daripada dosa dan mengembangkan pahalanya. Di dalam al-Quran, kalimah zakat disebut sebanyak 82 kali bersama-sama dengan solat dan ini menunjukkan hubungan atau kaitan antara keduanya sangat rapat.

Zakat merupakan antara sumber ekonomi yang amat penting kepada sesebuah negara Islam kerana dapat membantu meringankan beban masyarakat yang berpendapatan rendah. Ia perlu diagihkan kepada golongan yang berhak di dalam masyarakat bagi menyelesaikan pelbagai masalah di dalam keperluan hidup mereka.

#### **2) Pungutan Zakat**

Jenis-jenis zakat yang dipungut di negeri Terengganu sama seperti pungutan di negeri-negeri lain seluruh Malaysia. Jumlah pungutan zakat di negeri Terengganu meliputi hasil pungutan daripada sembilan jenis zakat iaitu zakat fitrah, harta, padi, wang simpanan, ternakan, perniagaan, galian, emas dan pendapatan.

#### **3) Agihan Zakat**

Manakala jumlah agihan pula merupakan perbelanjaan daripada pungutan zakat kepada golongan yang berhak menerima zakat. Golongan penerima zakat terdiri daripada lapan asaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, al-Riqab, al-Garimin, Fisabilillah dan Ibnu Sabil. Dalam proses agihan zakat, sepatutnya semua hasil pungutan zakat wajib diagih-agihkan kepada asnaf - asnaf yang ada dalam Negeri Terengganu tetapi mengutamakan golongan sasaran yang terpenting seperti fakir dan miskin. Oleh itu, jumlah agihan adalah tidak wajib disamakan pengagihan zakat antara satu asnaf dengan asnaf yang lain.

### **3.8.2 Pembolehubah Pertumbuhan Ekonomi**

Pembolehubah pertumbuhan ekonomi iaitu Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang terdiri daripada jumlah pendapatan semua sektor ekonomi di negeri Terengganu seperti sektor pertanian, ternakan dan perikanan, sektor perlombongan dan kuari, perdagangan dan sebagainya. Unit pengukuran KDNK adalah dalam bentuk RM juta dan data tersebut akan di logkan terlebih dahulu sebelum digunakan dalam model ini. Maklumat statistik yang digunakan adalah selama 15 tahun iaitu dari tahun 1993 sehingga tahun 2007. Ia diperoleh daripada buku data asas negeri Terengganu yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN).

### **3.8.3 Pembolehubah Kadar Inflasi**

Penbolehubah kadar inflasi pula diperolehi daripada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) merupakan kadar inflasi bagi Malaysia. Hal ini kerana, kadar inflasi untuk setiap negeri tidak dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan. Pembolehubah ini diambil kira kerana ia secara langsung akan meperngaruhi jumlah agihan zakat kerana kadar inflasi akan menentukan nilai wang pada pada masa itu. Dalam model ini, kadar inflasi juga dikaji dari tahun 1993 hingga tahun 2007 iaitu selama 15 tahun.

## **3.9 PENUTUP**

Dalam skop metodologi kajian, kaedah pengumpulan dan penganalisan data digabungkan untuk menentukan sama ada kajian yang dijalankan boleh diterima atau tidak. Beberapa pengujian akan dilakukan ke atas pembolehubah untuk melihat sejauh mana pembolehubah saling mempengaruhi. Dalam kajian ini data sekunder digunakan untuk mengukuhkan kajian ini. Data-data yang digunakan ialah dari tahun 1993 sehingga tahun 2007 yang merangkumi 15 tahun. Oleh itu, berdasarkan data, teori dan model kajian yang digunakan adalah untuk memastikan kaedah yang digunakan adalah signifikan melalui pengujian.



Ujian ini dijalankan dengan beberapa langkah iaitu ujian kepegunan data, ujian kointegrasi serta penyebab Granger. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui sama ada semua pembolehubah bebas yang digunakan mempengaruhi atau tidak kepada jumlah agihan zakat. Kesimpulannya, skop kajian dan metodologi bertujuan mengkaji sejauh mana hubungan antara pembolehubah dan juga untuk memperolehi hasil daripada kajian yang dilakukan. Dengan memahami pembentukan rangka teori dan model kajian, bentuk keputusan akan dihasilkan. Hasil kajian ini akan dianalisis dalam bab seterusnya.

## **BAB IV**

### **ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN**

#### **4.1 PENGENALAN**


Bab ini akan membincangkan analisis mengenai beberapa ujian yang telah dijalankan ke atas data siri masa yang digunakan untuk mengetahui hubungan yang wujud antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas termasuklah pembolehubah jumlah agihan dan kutipan zakat, KDNK dan kadar inflasi yang mempengaruhi antara satu sama lain. Sebelum melakukan pengujian-pengujian ke atas data yang digunakan dalam kajian, data tersebut akan diplotkan dalam tren siri masa terlebih dahulu untuk melihat aliran turun naik kesemua data tersebut sebelum ujian-ujian seterusnya dijalankan. Antara ujian yang akan dijalankan terhadap data dalam kajian ini ialah analisis regrasi mudah untuk melihat hubungan antara pembolehubah, analisis ujian punca unit yang melibatkan Ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan Phillip-Perron (PP), ujian penyebab Granger, ujian kointegasi dan seterusnya ujian vektor autoregrasi (VAR).

Bagi melaksanakan ujian-ujian yang telah dikenalpasti, perisian E-Views 5 digunakan untuk mendapatkan hasil keputusan ujian yang lebih tepat di mana semua data yang digunakan akan di selaras dalam bentuk log sebelum analisis ujian statistik dijalankan. Oleh sebab itu, semua keputusan yang diperolehi akan diterangkan dalam bentuk log pembolehubah.

## 4.2 ANALISIS TREN SIRI MASA

Kajian ini menggunakan tren siri masa bagi pembolehubah-pembolehubah ekonomi yang dikaji dari tahun 1993 sehingga tahun 2007. Kajian tren ini adalah untuk melihat perubahan yang berlaku bagi sesuatu pembolehubah dalam tempoh 15 tahun yang meliputi pembolehubah jumlah pungutan dan agihan zakat, KDNK dan kadar inflasi.

**Rajah 4.1 Rajah Siri Masa Pungutan dan Agihan Zakat Negeri Terengganu**




Rajah 4.1 menunjukkan keadaan aliran data bagi pembolehubah jumlah pungutan dan agihan zakat yang digunakan dalam kajian ini. Secara kasar, didapati aliran plot ini menggambarkan aliran yang turun naik. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan oleh pengaruh ketidakpegunaan data yang sering dikaitkan dengan penggunaan data siri masa yang kerap mengundang faktor-faktor semasa yang tidak menentu.

Jumlah pungutan zakat yang menunjukkan aliran turun naik dalam data 15 tahun yang digunakan dalam kajian. Jumlah pungutan zakat pada tahun 1993 ialah RM 6.727619 juta meningkat kepada RM 12.499444 juta iaitu purata peningkatan sebanyak 12.26 peratus sepanjang 7 tahun tersebut. Jumlah ini semakin meningkat secara mendadak pada tahun 2000 iaitu berjumlah RM 20.755856 juta berbanding tahun sebelumnya hanya berjumlah RM 12.499444. Keadaan ini disebabkan oleh zakat untuk emas baru diperkenalkan di negeri Terengganu yang menyumbang sebanyak RM 24733 kepada jumlah pungutan pada tahun tersebut di samping peningkatan dalam kesemua jenis zakat di negeri ini. Jumlah ini juga meningkat untuk tahun berikutnya kerana bermula pada tahun 2001, zakat bagi galian pula dikenakan di Terengganu dan ini meningkatkan jumlah pungutan kepada RM 28.247343 juta. Jumlah pungutan zakat di Terengganu terus meningkat dari tahun ke tahun kerana pengurusan pihak urusan zakat semakin berkesan dalam meningkatkan jumlah pungutan.


Bagi pembolehubah jumlah agihan zakat, ia menunjukkan purata peningkatan sebanyak 47.48 peratus dari tahun 1993 iaitu RM 3.263464 juta meningkat kepada RM 14.110200 juta pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, jumlah ini menurun semula pada tahun 2000 iaitu agihan pada tahun ini hanya berjumlah RM 13.239570 juta berbanding tahun sebelumnya. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh penyelarasan semula bagi golongan penerima zakat oleh pihak pengurusan zakat supaya semua golongan tidak terlepas daripada bantuan tersebut. Tetapi jumlah agihan zakat kepada asnaf penerima meningkat semula pada tahun 2001 iaitu sebanyak RM 18.968566 juta meningkat kepada RM 38.096418 juta pada tahun 2004 yang menunjukkan purata peningkatan sebanyak 25.21 peratus setiap tahun. Peningkatan jumlah agihan ini adalah selaras dengan peningkatan jumlah pungutan zakat pada tahun tersebut. Pada tahun 2005 hingga tahun 2007, jumlah agihan adalah rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu hanya RM 28.398433 juta hingga RM 31.759422 juta. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh ekonomi negeri Terengganu semakin pulih dan jumlah asnaf yang layak menerima zakat semakin berkurangan berbanding sebelum ini.

**Rajah 4.2 Rajah Siri Masa Jumlah KDNK Negeri Terengganu**



Berdasarkan rajah 4.2, KDNK negeri Terengganu secara puratanya menunjukkan peningkatan sepanjang tahun yang dikaji iaitu daripada RM 6838.1 juta pada tahun 1993 kepada RM 31844.1 pada tahun 2007. KDNK negeri menunjukkan penurunan pada tahun 1998 iaitu dari RM14707.4 juta pada tahun 1997 berkurangan kepada RM 13383.4 juta pada tahun 1998 kesan daripada krisis kewangan serantau pada tahun tersebut.. Jumlah ini meningkat semula pada tahun-tahun berikutnya. Peningkatan ini disebabkan oleh kemajuan yang dicapai dalam sektor ekonomi di negeri Terengganu yang banyak menyumbang kepada jumlah KDNK negeri di samping keberkesanan langkah menangani krisis tersebut oleh kerajaan Persekutuan.

**Rajah 4.3 Rajah Siri Masa Kadar Inflasi**



Tren siri masa bagi kadar inflasi dalam rajah 4.3 juga menunjukkan peningkatan dan penurunan sepanjang tahun kajian. Kadar inflasi pada tahun 1998 menunjukkan kadar yang paling tinggi berbanding tahun-tahun lain iaitu pada kadar 5.2 peratus. Manakala tahun yang menunjukkan kadar inflasi yang paling rendah adalah pada tahun 2003 iaitu pada 1.2 peratus.

### 4.3 ANALISIS KEPUTUSAN REGRASI MUDAH

$$\ln AZ_t = \beta_0 + \beta_1 \ln HZ_t + \beta_2 \ln KDNK_t + \beta_3 \ln INF_t + \varepsilon_t$$

$$\ln AZ_t = -1.1799 + 0.9998 \ln HZ_t + 0.0960 \ln KDNK_t - 0.0948 \ln INF_t$$

(1.9480)	(0.2027)	(0.2974)	(0.1953)
[- 0.6057]	[4.9324]	[0.3230]	[- 0.4852]

$$R^2 = 0.9323$$

$$AIC = 0.1550$$

nota : ( ) standard error

[ ] nilai statistik t

Hasil keputusan regrasi mudah menunjukkan hubungan positif antara pembolehubah jumlah agihan zakat dengan jumlah hasil kutipan zakat dan pertumbuhan KDNK manakala ia menunjukkan hubungan yang negatif dengan pembolehubah kadar inflasi. Dapatan kajian menunjukkan nilai  $R^2$  yang diperoleh adalah 0.9323 di mana ia menunjukkan sebanyak 93.23% jumlah agihan zakat dipengaruhi oleh pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Ini jelas dinyatakan daripada keputusan tersebut didapati pembolehubah jumlah hasil zakat dan pertumbuhan KDNK mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pembolehubah jumlah agihan zakat berdasarkan nilai t-statistik yang lebih besar. Nilai statistik  $F = 50.46$  dengan nilai  $p = 0.0000$  menunjukkan sekurang-kurangnya satu pembolehubah mempunyai hubungan signifikan terhadap keberkesanan agihan zakat negeri Terengganu.



Analisis regresi mudah menunjukkan pembolehubah mempunyai dua hubungan iaitu hubungan positif antara jumlah agihan zakat dengan jumlah hasil zakat dan pertumbuhan KDNK dan hubungan negatif antara jumlah agihan zakat dengan kadar inflasi. Walaupun nilai Durbin Watson (DW) melebihi paras pekali penentu regresi ( $R^2$ ), namun ini belum tentu memberi hasil bahawa data kajian adalah pegun. Oleh itu, langkah terbaik bagi mengesan kepegunan data adalah dengan menggunakan ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan Philips Perron (PP) untuk mengenalpasti sama ada setiap set siri masa mempunyai kebarangkalian bersama yang sama ciri sepanjang masa iaitu nilai min varians dan kovarians adalah malar sepanjang masa.

#### **4.4 ANALISIS KEPUTUSAN UJIAN PUNCA UNIT**

Ujian Punca Unit merupakan kaedah popular bagi ahli ekonomi dalam menguji kepegunan data siri masa. Dalam bahagian ini, ujian Dickey-Fuller (ADF) akan dijalankan untuk menguji kepegunan data siri masa yang digunakan. Tren dan intersep dimasukkan dalam ujian punca unit dan lat masa dipilih dengan kriteria Info Akaike (AIC). Data siri masa dianggap pegun sekiranya nilai Durbin Watson adalah lebih besar daripada  $R^2$ . Hipotesis nul ( $H_0$ ) dalam ujian statistik ADF mengandaikan bahawa siri masa mempunyai punca unit iaitu tidak pegun. Jika nilai statistik  $t$  yang dianggap melebihi nilai genting  $t$  maka hipotesis gagal ditolak dan tidak dapat membuktikan bahawa data siri masa tersebut dalam kepegunan. Sebaliknya, jika nilai statistik  $t$  kurang daripada nilai genting  $t$  maka hipotesis nul ditolak dan ini menunjukkan data siri masa tersebut adalah pegun. Nilai kritikal daripada Jadual Mackinnon, 1996 digunakan dalam ujian untuk membuat perbandingan dengan nilai statistik pembolehubah yang dikaji.

**Jadual 4.1 : Hasil Keputusan Ujian Punca Unit**

Pembolehubah	Ujian ADF			Ujian PP		
	Bentuk Peringkat	Pembezaan Pertama	Pembezaan Kedua	Bentuk Tingkat	Pembezaan Pertama	Pembezaan Kedua
LNAZ	1.17	2.40	3.66***	1.26	3.76***	10.32*
LNHZ	1.84	3.18	4.34**	1.97	3.34	8.70*
LNKDNK	1.81	3.18	6.08*	1.81	3.17	19.90*
LNINF	2.05	3.41***	3.69***	1.99	3.86***	6.15*

Jadual 4.1 menunjukkan keputusan ujian punca unit bagi ADF dan PP pada bentuk tingkat, pembezaan pertama dan pembezaan kedua. Hasil kajian menunjukkan kesemua data adalah tidak pegun pada aras keertian yang sama dalam dalam semua peringkat pengujian.

Bagi ujian ADF, ujian punca unit pada bentuk tingkat menunjukkan semua pembolehubah siri masa tidak signifikan pada aras keertian yang diuji. Nilai statistik t lebih kecil dari nilai kritikal Mackinnon dan ia memberi maksud bahawa semua pembolehubah tidak pegun. Untuk mencapai kepegunan, pembezaan pertama dilakukan untuk mengatasi masalah punca unit yang wujud. Ujian punca unit pada bentuk pembezaan pertama juga menunjukkan kebanyakan pembolehubah siri masa juga tidak signifikan pada aras keertian yang diuji kecuali pembolehubah kadar inflasi. Pembolehubah kadar inflasi hanya signifikan pada aras keertian 10 peratus dengan nilai statistik t lebih besar dari nilai kritikal Mackinnon. Oleh itu untuk mencapai kepegunan sepenuhnya, ujian punca unit pada pembezaan kedua dilakukan dan mendapati semua pembolehubah adalah signifikan pada aras keertian 10 peratus berbanding dengan pembezaan pada bentuk tingkat dan pembezaan pertama. Ini bermakna semua pembolehubah yang digunakan adalah pegun pada aras keertian yang sama dalam bentuk pembezaan kedua.

Bagi ujian PP, keputusan ujian punca unit pada bentuk tingkat juga menunjukkan semua pembolehubah tidak signifikan pada aras keertian yang diuji. Tetapi pembolehubah jumlah agihan zakat dan kadar inflasi signifikan pada aras keertian 10 peratus pada bentuk pembezaan pertama. Bagi mencapai kepegunan pada aras keertian yang sama, ujian punca unit PP pada bentuk pembezaan kedua dilakukan dan menunjukkan semua pembolehubah adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus. Ini bermakna semua pembolehubah yang digunakan adalah pegun pada aras keertian yang sama.

Oleh kerana didapati bahawa kesemua pembolehubah kajian pegun pada peringkat pembezaan kedua pada aras keertian yang sama maka secara tidak langsung penganggaran seterusnya dilakukan dengan lebih konsisten dan diaplikasikan kepada ujian Kointegrasi, Vektor Autoregresi (VAR) dan ujian Penyebab Granger untuk melihat hubungan sesama pembolehubah kajian.

#### **4.5 ANALISIS KEPUTUSAN KOINTEGRASI**

Analisis kointegrasi hanya boleh dijalankan terhadap data siri masa yang tidak pegun untuk melihat sama ada tren data bagi pembolehubah-pembolehubah yang dikaji adalah berkointegrasi untuk menerangkan perubahan yang berlaku pada masa yang sama. Ujian Kointegrasi merupakan satu kaedah untuk melihat hubungan jangka panjang antara pembolehubah-pembolehubah dalam suatu analisis regresi berbentuk siri masa. Ia juga menggambarkan hubungan linear jangka panjang di antara di antara dua pembolehubah yang dapat menunjukkan keseimbangan hubungan antara satu sama lain. Kointegrasi menunjukkan kombinasi linear bagi pembolehubah yang tidak pegun. Oleh sebab itu, kajian ini mengadaptasi kerangka kerja Johansen untuk mendapatkan keputusan kointegrasi yang mantap.

Pengukuran kointegrasi ini dapat dilakukan melalui dua pengujian iaitu Ujian Nilai Maksimum Eigen dan Ujian Jejak (Trace). Ujian formal bagi bilangan pembolehubah yang berkointegrasi antara satu sama lain adalah berdasarkan Ujian Nilai Maksimum Eigen (Maximum Eigenvalue) yang merupakan Ujian Likelihood Ratio (LR). Manakala Ujian Jejak (Trace) pula berdasarkan Schwarz Bayesian Criterion (SBC) dalam menentukan bilangan lag (lag) dalam penganggaran model kajian. Persamaan di bawah menunjukkan peranan kedua-dua ujian dalam menentukan hubungan kointegrasi dalam kajian.

Ujian ini dijalankan untuk melihat sama ada wujud kointegrasi dalam data siri masa yang tidak pegun, sekiranya wujud kointegrasi maka tren yang wujud dapat saling dihapuskan dan data tidak mengalami masalah dalam menerangkan hubungan jangka panjang antara pembolehubah. Hasil keputusan ujian kointegrasi pembolehubah berbilang Johansen ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

**Jadual 4.2 : Hasil Keputusan Ujian Kointegrasi Pembolehubah Berbilang Johansen**

Hipotesis Nul	Ujian Statistic Jejak (Trace)			Ujian Statistik Max-eigenvalue		
	Eigenvalue	Statistik Trace	Nilai Kritikal	Eigenvalue	Statistik Max-Eigen	Nilai Kritikal
$r=0$	0.946552	73.04486	47.85613*	0.946552	38.07760	27.58434*
$r \leq 1$	0.892316	34.96726	29.79707*	0.892316	28.97123	21.13162*
$r \leq 2$	0.332923	5.996028	15.49471	0.332923	5.263041	14.26460
$r \leq 3$	0.054824	0.732987	3.841466	0.054824	0.732987	3.841466

nota : \* merujuk penolakan hipotesis nul pada aras keertian 5%

Berdasarkan jadual 4.2 hasil keputusan Ujian Kointegrasi Pembolehubah Berbilang Johansen, ujian statistik Trace dan ujian Max-eigenvalue menunjukkan dua kointegrasi persamaan pada aras keertian 5 peratus. Dalam ujian ini, nilai t-statistik akan dibandingkan dengan nilai kritikal yang diperolehi. Jika nilai t-statistik lebih besar daripada nilai kritikal pada tahap signifikan, maka ia menunjukkan hubungan kointegrasi adalah wujud antara vektor.

Bagi hasil keputusan ujian statistik Jejak (Trace),  $H_0, r=0$  dan  $r \leq 1$  akan ditolak pada aras keertian 5 peratus kerana menunjukkan nilai t-statistik lebih besar berbanding nilai statistik trace. Nilai kritikal yang diperolehi bagi  $H_0, r=0$  adalah 47.8561 dan nilai statistik trace pula adalah 34.9673. Manakala bagi  $H_0, r \leq 1$  menunjukkan nilai kritikal MacKinnon ialah 29.7971 dan statistik trace ialah 73.0449. Ini menunjukkan ujian ini signifikan pada aras keertian 5 peratus dan  $H_0$  yang menyatakan tiada hubungan kointegrasi akan ditolak.

Bagi keputusan ujian statistik Max-Eigenvalue juga menunjukkan dua  $H_0$  ditolak pada aras keertian 5 peratus iaitu  $H_0, r=0$  dan  $H_0, r \leq 1$ . Keputusan menunjukkan nilai kritikal MacKinnon bagi  $H_0, r=0$  adalah 27.5843 dengan nilai statistik Max-Eigen yang lebih besar iaitu 38.0776. Manakala keputusan yang diperolehi bagi  $H_0, r \leq 1$  menunjukkan nilai kritikal adalah 21.1316 dan statistik Max-Eigen pula adalah 28.9712. Keputusan ini juga menunjukkan nilai kritikal adalah lebih besar berbanding nilai statistik Max-Eigen. Secara keseluruhannya keputusan ujian kointegrasi pembolehubah berbilang ini secara keseluruhannya menunjukkan terdapat hubungan jangka panjang berkointegrasi antara pembolehubah jumlah agihan zakat dengan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanannya.

#### **4.7 ANALISIS KEPUTUSAN VAR**

Kaedah VAR mengelakkan penstrukturan model dengan mengandaikan semua pembolehubah endogen sebagai satu fungsi nilai lag. Model VAR adalah mudah untuk dianggarkan kerana ia menggunakan model OLS selagi semua pembolehubah adalah pegun. Secara umumnya, VAR digunakan secara meluas dalam membuat jangkaan terhadap makroekonomi dan dalam aplikasi ekonomi lain untuk melihat gelagat ekonomi malalui masa. VAR sering digunakan dalam membuat jangkaan terhadap siri masa yang saling berkait dan untuk menganalisis impak dinamik perubahan rawak terhadap pembolehubah yang dikaji berlandaskan nilai-nilai lepas setiap pembolehubah.

**Jadual 4.3 : Analisis Keputusan Ujian VAR**

	D(LNAZ)	D(LNKDNK)	D(LNHZ)	D(LNINF)
D(LNAZ(-1))	0.364043 (0.25813) [ 1.41033]	-0.194162 (0.35429) [-0.54803]	-0.396198 (0.25475) [-1.55527]	-0.348098 (0.93003) [-0.37429]
D(LNKDNK(-1))	0.147209 (0.23373) [ 0.62984]	-0.026649 (0.32080) [-0.08307]	-0.037215 (0.23067) [-0.16134]	-0.477412 (0.84212) [-0.56691]
D(LNHZ(-1))	1.073420 (0.32251) [ 3.32832]	0.022449 (0.44267) [ 0.05071]	-0.386338 (0.31829) [-1.21380]	0.212421 (1.16202) [ 0.18280]
D(LNINF(-1))	0.204911 (0.12746) [ 1.60766]	0.207703 (0.17495) [ 1.18724]	-0.301072 (0.12579) [-2.39343]	-0.085749 (0.45924) [-0.18672]
C	-0.083832 (0.09645) [-0.86921]	0.145014 (0.13238) [ 1.09545]	0.271363 (0.09518) [ 2.85094]	0.033297 (0.34750) [ 0.09582]

( ) standart error [ ] t-stat

Jadual 4.3 menunjukkan hasil keputusan yang diperolehi daripada analisis keputusan 'Vector Auto Regression' (VAR) terhadap pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Sebanyak empat persamaan regresi vektor telah dihasilkan di mana setiap pembolehubah menjadi pembolehubah endogen dan nilai-nilai lepas pembolehubah menjadi pembolehubah bebas. Persamaan berikut menunjukkan persamaan linear yang dihasilkan setelah menjalankan regresi vektor berbilang.



$$1. \text{LNAZ} = -0.0838 + 0.3640\text{LNAZ}_{t-1} + 0.1472\text{LNKDNK}_{t-1} + 1.0734\text{LNHZ}_{t-1} + 0.2049\text{LNINF}_{t-1}$$

$$R^2 = 0.5856 \quad \text{AIC} = -0.7041$$

Peningkatan 1 peratus dalam jumlah KDNK di negeri Terengganu menyebabkan peningkatan sebanyak 0.147 peratus dalam jumlah agihan zakat. Persamaan ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 1 peratus dalam jumlah hasil zakat mendorong kepada peningkatan dalam jumlah agihan itu sebanyak 1.073 peratus. Manakala bagi pembolehubah kadar inflasi pula, peningkatan 1 peratus kadar inflasi menyebabkan peningkatan dalam jumlah agihan sebanyak 0.205 peratus. Nilai  $R^2$  yang dihasilkan daripada persamaan ini ialah 0.5856 menunjukkan bahawa 58.56 peratus pembolehubah bersandar dapat diterangkan oleh pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar. Oleh itu, persamaan ini menunjukkan semua pembolehubah mempunyai hubungan positif antara satu sama lain.

$$2. \text{LNKDNK} = 0.1450 - 0.1942\text{LNAZ}_{t-1} - 0.0267\text{LNKDNK}_{t-1} + 0.0225\text{LNHZ}_{t-1} + 0.2077\text{LNINF}_{t-1}$$

$$R^2 = 0.2904 \quad \text{AIC} = -0.0707$$

Persamaan kedua menunjukkan peningkatan 1 peratus dalam jumlah agihan akan menyebabkan jumlah KDNK negeri menurun sebanyak 0.194 peratus. Ini bermakna, hubungan antara jumlah agihan dan jumlah KDNK adalah negatif. Manakala peningkatan 1 peratus dalam jumlah hasil zakat meningkatkan jumlah KDNK sebanyak 0.022 peratus dan apabila kadar inflasi meningkat sebanyak 1 peratus, jumlah KDNK akan turut meningkat sebanyak 0.2077 peratus. Hal ini menunjukkan jumlah hasil zakat dan kadar inflasi mempunyai hubungan positif dengan jumlah KDNK. Nilai  $R^2$  ialah 0.29 yang menunjukkan hanya 29 peratus sahaja pembolehubah bebas dapat menerangkan pembolehubah bersandar.

3.  $LNHZ = 0.2714 - 0.3962LN AZ_{t-1} - 0.0372LN KDNK_{t-1} - 0.3863LN HZ_{t-1} - 0.3011LN INF_{t-1}$   
 $R^2 = 0.4385 \quad AIC = -0.7304$

Bagi persamaan ketiga yang diperolehi daripada analisis VAR menunjukkan semua pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang negatif dengan pembolehubah bersandar. Hal ini kerana peningkatan 1 peratus dalam jumlah agihan zakat akan menyebabkan penurunan sebanyak 0.396 peratus dalam jumlah hasil zakat. Keadaan ini juga berlaku apabila jumlah KDNK meningkat 1 peratus menyebabkan jumlah hasil zakat menurun sebanyak 0.037 peratus. Seterusnya apabila peningkatan 1 peratus dalam kadar inflasi, menyebabkan penurunan 0.301 peratus dalam jumlah hasil zakat.  $R^2$  yang bernilai 0.438 menunjukkan pembolehubah bebas dapat menerangkan tentang pembolehubah bersandar sebanyak 43.8 peratus.

4.  $LN INF = 0.0333 - 0.3481LN AZ_{t-1} - 0.4774LN KDNK_{t-1} + 0.2124LN HZ_{t-1} - 0.0857LN INF_{t-1}$   
 $R^2 = 0.0682 \quad AIC = 1.8595$

Peningkatan 1 peratus dalam jumlah agihan zakat menyebabkan penuruanan sebanyak 0.348 peratus dalam kadar inflasi manakala peningkatan sebanyak 1 peratus dalam jumlah KDNK juga akan menurunkan kadar inflasi sebanyak 0.477 peratus. Kedua-dua pembolehubah ini menunjukkan hubungan negatif dengan kadar inflasi. Tetapi peningkatan sebanyak 1 peratus dalam jumlah hasil zakat menyebabkan kadar inflasi meningkat sebanyak 0.212 peratus dan berhubungan positif.  $R^2$  yang terlalu rendah iaitu 0.068 menunjukkan bahawa pembolehubah bebas dapat menerangkan pembolahubah bersandar hanya 6.8 peratus.

Model VAR akan dinilai sama ada signifikan dan boleh diterima untuk jangkaan perubahan pada masa hadapan adalah berdasarkan nilai-nilai  $R^2$ , nilai statistik F dan nilai AIC. Jadual 4.6 menunjukkan hasil keputusan penganggaran persamaan VAR yang telah diperolehi.

**Jadual 4.4 : Hasil Keputusan Penganggaran Persamaan VAR dalam Bentuk Log, lat =1**

PEMBOLEHUBAH	LNAZ	LNKDNK	LNHZ	LNINF
R-squared	0.585570	0.290378	0.438490	0.068220
Adj. R-squared	0.378355	-0.064434	0.157736	-0.397669
Sum sq. resids	0.174430	0.328614	0.169893	2.264425
S.E. equation	0.147661	0.202674	0.145728	0.532027
F-statistic	2.825904	0.818400	1.561827	0.146430
Log likelihood	9.576463	5.459643	9.747766	-7.086614
Akaike AIC	-0.704071	-0.070714	-0.730426	1.859479
Schwarz SC	-0.486783	0.146574	-0.513137	2.076767
Mean dependent	0.146978	0.112592	0.145601	-0.049373
S.D. dependent	0.187281	0.196444	0.158789	0.450020
Determinant resid covariance (dof adj.)		1.73E-06		
Determinant resid covariance		2.48E-07		
Log likelihood		25.07946		
Akaike information criterion		-0.781455		
Schwarz criterion		0.087698		

Hasil keputusan penganggaran persamaan VAR dalam jadual 4.4 menunjukkan nilai  $R^2$  yang tinggi bagi setiap persamaan yang dihasilkan iaitu antara 0.0682 hingga 0.5856, ini menunjukkan pembolehubah-pembolehubah bebas dapat menerangkan pembolehubah bersandar tetapi tidak terlalu kuat. Selain itu, ujian Var juga menunjukkan nilai statistik F bagi setiap persamaan yang dianggarkan menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya satu pembolehubah bebas adalah signifikan terhadap pembolehubah bersandar.

#### 4.5 ANALISIS KEPUTUSAN PENYEBAB GRANGER

Analisis Penyebab Granger bertujuan untuk melihat perhubungan jangka pendek yang wujud antara pembolehubah yang dikaji. Pengujian statistik F dijalankan untuk melihat sama ada hipotesis nol yang menyatakan pembolehubah X bukan penyebab Granger pembolehubah Y ditolak atau gagal ditolak. Hipotesis nol mungkin ditolak sekiranya nilai p kurang dari 0.05. Dalam pengujian ini, lat masa dua tahun dipilih dalam menjalankan analisis Penyebab Granger diantara pembolehubah yang digunakan.

Hubungan jangka pendek diantara dua pembolehubah akan dilihat dalam empat bentuk seperti dibawah:

1. Penyebab sehalu daripada perubahan pembolehubah X terhadap pembolehubah Y
2. Penyebab sehalu daripada perubahan pembolehubah Y terhadap pembolehubah X
3. Penyebab dua hala di mana perubahan dalam kedua-dua pembolehubah X dan Y saling mempengaruhi antara satu sama lain.
4. Tiada hubungan penyebab di mana pembolehubah X dan Y adalah tidak signifikan dalam kedua-dua pembolehubah regresi.

Berdasarkan kepada hasil keputusan ujian penyebab Granger terhadap empat pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini telah menghasilkan 12 hubungan.

**Jadual 4.5 : Ringkasan Hubungan Yang Signifikan Di antara Pembolehubah-pembolehubah**

---

#### Hubungan Penyebab Granger

---

Hubungan sehalu

1. LNAZ bukan penyebab kepada LNKDNK\*\*\*
2. LNHZ bukan penyebab kepada LNAZ\*\*

---

\*\* Signifikan pada aras keertian 5%

\*\*\* Signifikan pada aras keertian 10%

Berdasarkan kepada 12 hubungan yang diperoleh, wujud dua hubungan sehala antara pembolehubah yang signifikan pada aras keertian yang dikaji seperti dalam jadual 4.5. Pembolehubah jumlah agihan zakat mempunyai hubungan terhadap pembolehubah jumlah KDNK dengan nilai F-stat adalah 4.3689 dan probabilitinya ialah 0.0522. Hubungan ini menunjukkan dua pembolehubah tersebut adalah signifikan pada aras keertian 10 peratus dan mempengaruhi antara satu sama lain tetapi hubungan yang tidak kuat. Selain itu, ujian penyebab Granger ini juga menunjukkan hubungan antara pembolehubah jumlah hasil pendapatan zakat dengan jumlah agihan zakat dengan nilai F-stat adalah 4.7062 probabilitinya ialah 0.0446. Nilai ini juga menunjukkan hubungan yang tidak kuat kerana pembolehubah tersebut signifikan pada aras keertian 5 peratus.

#### **4.8 PENUTUP**

Berdasarkan dapatan kajian, didapati keputusan kajian daripada ujian-ujian yang dijalankan adalah menepati objektif kajian iaitu untuk melihat sama ada wujud hubungan yang signifikan antara jumlah agihan zakat dengan pembolehubah-pembolehubah faktor-faktor yang mempengaruhi termasuklah jumlah hasil zakat, KDNK dan kadar inflasi. Hasil keputusan ujian kointegrasi menunjukkan wujud hubungan kointegrasi di antara pembolehubah jangka panjang. Manakala bagi ujian granger pula menunjukkan semua pembolehubah tidak mempunyai hubungan jangka pendek di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut. Berdasarkan kepada keputusan VAR, didapati hasil zakat mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap keberkesanan agihan zakat berbanding dengan pembolehubah-pembolehubah lain. Dengan ini, jumlah hasil zakat boleh dijadikan faktor yang penting dalam menentukan jumlah agihan zakat pada masa hadapan.

## **BAB V**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, pengkaji akan memperlihatkan rumusan secara menyeluruh bagi hasil kajian yang telah dijalankan terhadap kajian keberkesanan agihan pendapatan zakat di negeri Terengganu yang melibatkan beberapa faktor seperti jumlah hasil pungutan zakat, KDNK dan kadar inflasi. Hasil kajian diperolehi menerusi analisis yang telah dijalankan berdasarkan kepada pengujian-pengujian yang telah diterangkan dalam bab-bab yang lepas. Daripada hasil kajian tersebut, pengkaji akan membuat rumusan yang memfokuskan kepada penilaian di antara hubungan pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar. Seterusnya, pengkaji akan menyatakan implikasi yang diperolehi daripada faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah agihan zakat kepada golongan penerima zakat terhadap dasar-dasar yang telah dijalankan oleh pelbagai pihak yang terlibat. Pengkaji juga akan memberi cadangan yang terbaik terhadap kajian akan datang untuk mengelakkan masalah yang mungkin wujud semasa menjalankan analisis data siri masa di samping cadangan untuk meningkatkan lagi keberkesanan dalam sistem zakat dari aspek pungutan dan agihan kepada golongan penerima.



## 5.2 RUMUSAN KAJIAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian adalah menepati objektif kajian yang dibina iaitu mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi secara langsung keberkesanan dalam agihan pendapatan zakat kepada golongan penerima zakat di negeri Terengganu di mana untuk mengetahui sejauhmana pembolehubah-pembolehubah yang digunakan mempunyai hubungan di antara satu sama lain dalam jangka masa panjang dan jangka masa pendek.

Analisis tren yang dijalankan dalam bab sebelum ini menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah mempunyai tren sama ada menurun atau menaik atau kedua-duanya di mana menunjukkan data tren siri masa tersebut adalah tidak pegun. Dalam analisis ini juga dapat dilihat bahawa jumlah pungutan zakat adalah tidak selaras dengan jumlah agihan zakat kepada asnaf. Ini menunjukkan, jumlah agihan adalah lebih rendah berbanding jumlah pungutan zakat. Keadaan ini juga dapat dilihat dalam kajian sebelum ini yang dibuat oleh Zulkefly Abdul Karim, Mohd. Azlan Shah Zaidi dan Hairunnizam Wahid yang bertajuk Pendapatan dan sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan yang menganalisis prestasi kutipan dan corak agihan zakat negeri.

Hasil keputusan regrasi mudah menunjukkan hubungan positif antara pembolehubah jumlah agihan zakat dengan jumlah hasil kutipan zakat dan pertumbuhan KDNK manakala ia menunjukkan hubungan yang negatif dengan pembolehubah kadar inflasi. Hal ini menunjukkan bahawa jumlah pungutan zakat memainkan peranan paling penting dalam menentukan jumlah agihan zakat yang berkesan. Jumlah zakat yang terkumpul akan membantu memastikan matlamat jaminan sosial umat Islam dapat dipertingkatkan.

Oleh yang demikian, PUZ perlu mencari langkah untuk meningkatkan jumlah pungutan zakat di kalangan umat Islam di samping kesedaran dalam diri individu untuk membayar zakat. Keadaan ini sesuai dengan kajian Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia yang dijalankan oleh Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor yang mengkaji kesedaran membayar zakat pendapatan di negara ini.

Data sekunder 15 tahun yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan tren semasa kerana jumlah tersebut sentiasa berubah dari semasa ke semasa kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Oleh itu, ujian kepegungan dilakukan untuk memperolehi data siri masa yang lebih pegun di mana kebanyakan pembolehubah yang diuji dalam kajian ini adalah signifikan pada bentuk pembezaan kedua, iaitu nilai  $t$  statistik lebih besar dari nilai kritikal Mackinnon.

Ujian kointegrasi juga dijalankan pada data siri masa yang tidak pegun untuk melihat sama ada tren data bagi pembolehubah-pembolehubah yang dikaji adalah berkointegrasi untuk menerangkan perubahan yang berlaku pada masa yang sama. Hasil ujian ini menunjukkan wujud hubungan jangka panjang antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji dimana jumlah pungutan zakat memberi impak yang besar kepada jumlah agihan zakat.

Oleh yang demikian, bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam agihan zakat kepada asnaf yang layak, PUZ negeri perlu memainkan peranan penting selaras dengan Rancangan Malaysia ke-9 dalam bab 16 iaitu memcapai pertumbuhan dengan pengagihan iaitu langkah untuk menambah baik pengurusan institusi berasaskan Islam, terutamanya yang berkaitan dengan zakat, wakaf dan baitulmal serta membangunkan institusi tersebut menjai mekanisme yang berkesan untuk memberi bantuan secara langsung kepada golongan miskin. Kejayaan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh dicontohi sebagai model pungutan zakat untuk dilaksanakan di setiap negeri.

Daripada hasil keputusan ujian VAR pengkaji mendapati bahawa pembolehubah yang dikaji adalah mempengaruhi antara satu sama lain di mana nilai  $R^2$  adalah tinggi yang menunjukkan pembolehubah bebas dapat menerangkan pembolehubah bersandar dengan baik. Secara keseluruhan, kajian ini telah membuktikan bahawa wujudnya pengaruh antara faktor jumlah hasil zakat, KDNK dan kadar inflasi terhadap perubahan jumlah agihan zakat. Dapatan hasil kajian menunjukkan sejauh mana faktor-faktor tersebut saling berkait antara satu sama lain sama ada berhubungan positif atau negatif. Dengan demikian, terbukti bahawa jumlah agihan zakat kepada golongan penerima dipengaruhi oleh faktor-faktor tersebut yang akan menunjukkan keberkesanan agihan zakat bagi mengurangkan bebanan golongan miskin selaras dengan matlamat negara untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat.

Seterusnya ujian Penyebab Granger dijalankan untuk mengkaji hubungan penyebab antara pembolehubah yang saling mempengaruhi. Kajian menunjukkan dua hubungan sehalu pembolehubah iaitu jumlah agihan zakat penyebab jumlah KDNK dan jumlah hasil zakat penyebab kepada jumlah agihan pada aras keertian yang dikaji.

### **5.3 IMPLIKASI DASAR**

Prinsip Unit Agihan Zakat negeri Terengganu yang menekankan lima keutamaan iaitu Amanah, Menyeluruh, Benar, Berasingan dan Keutamaan, keberkesanan agihan zakat untuk mengurangkan bebanan golongan penerima mempunyai kebarangkalian positif adalah tinggi kerana semua hasil kutipan zakat adalah merupakan amanah yang mesti diuruskan dengan cekap, tepat, telus, dan berhemah sesuai dengan prinsip menyeluruh yang digunapakai supaya hasil pungutan zakat haruslah diagihkan secara bijaksana dan menyeluruh kepada asnaf yang berhak berdasarkan hadlul kifayah yang telah ditetapkan. Harta zakat sewajarnya diasingkan dari dana-dana lain supaya benar-benar suci dan terpelihara dari sebarang kekeliruan mengikut keutamaan iaitu fakir, miskin, dan amil.

Berasaskan prinsip ini, sekiranya peruntukan untuk ketiga-tiga asnaf ini tidak mencukupi, maka pindahan peruntukan dari asnaf yang lain hendaklah dilakukan dengan mengutamakan ke tiga-tiga asnaf ini. Secara keseluruhan, prinsip yang digunakan oleh unit agihan ini secara langsung mempengaruhi keberkesanan agihan zakat kepada asnaf.

Selain itu, salah satu penekanan yang dilaksanakan dalam revolusi Kongres Ekonomi Islam Ketiga yang bertema “ Menggerakkan Potensi Memperkasa Ekonomi Ummah” adalah untuk memperkasa institusi zakat, wakaf dan penggembleran dana muslim bagi memastikan kaedah pungutan yang lebih berkesan dan kaedah pengagihan yang lebih saksama dan dinamik dengan mewujudkan suatu mekanisme penyelarasan zakat di peringkat nasional. Oleh itu, kerajaan akan mengambilkira semua agenda zakat di dalam setiap langkah reformasi percukaian bagi mengoptimumkan manfaat kepada pembayar zakat serta memastikan semua institusi korporat menyegerakan pelaksanaan tanggungjawab kefardhuan berzakat.

Dengan adanya penekanan daripada pihak kerajaan, didapati agensi-agensi penggembler dana Muslim khasnya Tabung Haji dan PNB telah mencapai satu tahap kejayaan yang membanggakan sesuai dengan matlamat pembangunan ekonomi ummah. Oleh itu, kerajaan perlu mempertingkatkan lagi sokongan kepada semua agensi yang berkaitan supaya sumbangan mereka terhadap pembangunan ekonomi ummah berlipatganda.

Pembangunan ekonomi Islam akan terus mendapat perhatian kerajaan sesuai dengan komitmen kerajaan untuk terus melaksana, mengukuh dan memperluaskan ekonomi dan kewangan berasaskan Islam di negara ini dengan memberi perhatian utama kepada sektor ijtima' seperti zakat, waqaf, sadaqah jariah dan semua unjuran Islam di sektor ini serta kesediaan kerajaan menyokong dan memperkasa institusi-institusi berkaitan selaras dengan strategi untuk muncul sebagai kekuatan baru umat Islam.

Kerajaan juga akan mewujudkan dan memperkukuhkan 'Jaringan Usahawan Muslim' bagi memantapkan pengaliran modal dan sumber daya insani sesuai dengan konsep 'Peluang hingga Berjaya' kepada usahawan tulen dan gigih termasuklah mereka yang menghadapi masalah kewangan akibat faktor luar kawalan. Langkah ini adalah selaras dengan prinsip Islam yang memasukkan golongan al-gharimin dalam asnaf penerima zakat.

Menurut Islam, seseorang yang layak mengeluarkan zakat haruslah berbuat demikian kerana terdapat peruntukan undang-undang yang kepada sesiapa yang tidak membayar zakat akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah tahun 1997, seksyen 16. Peraturan ini menegaskan bahawa hukuman yang dikenakan kepada individu yang ingkar membayar zakat dan fitrah walaupun layak berbuat demikian. Individu terbabit akan didenda atau dipenjarakan. Undang-undang juga menyatakan sekiranya terdapat individu yang enggan membayar atau sengaja tidak membayar zakat terus kepada amil atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis Agama untuk memungut zakat adalah melakukan kesalahan yang boleh membawa kepada tindakan undang-undang.

Manakala dalam Enakmen Zakat dan Fitrah 1993, seksyen 61 (1) Undang-undang zakat Sabah menyatakan, mana-mana orang yang sengaja enggan membayar zakat dan fitrah yang bertanggung kesnya untuk membayar adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan, individu terbabit boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM4000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, implikasi yang jelas dapat dinyatakan bahawa berzakat mampu membantu dalam meningkatkan taraf hidup sesama Muslim. Secara teorinya apabila wujud golongan miskin dan golongan kaya, maka akan wujudlah kelas memisahkan kehidupan mereka. Kesannya, berlaku ketidakseimbangan atau sistem yang tidak adil di dalam masyarakat. Oleh itu, apabila individu yang layak membayar zakat dan diagihkan kepada asnaf yang ditetapkan, maka mereka telah mengimbangi keadaan tersebut.



Wang zakat yang dikumpulkan di Baitulmal akan digunakan sebagai sumber atau dana utama bagi menjalankan pelbagai program untuk menolong masyarakat Islam di samping mengagihkan pungutan zakat tersebut kepada lapan asnaf yang ditetapkan. penerima zakat dapat meningkatkan perbelanjaan mereka untuk perbelanjaan sara diri dan barang-barang keperluan harian. Pengagihan zakat yang sistematik dari istitusi zakat elalui kaedah agihan secara tahunan, bulanan mahupun harian dapat mengurangkan kesempitan wang khususnya golongan fakir dan miskin sekali gus dapat mengurangkan kemiskinan tegar dalam masyarakat di negara ini.

#### **5.4 SARANAN KAJIAN**

Setelah menjalankan kajian, pengkaji mendapati bahawa pembolehubah-pembolehubah yang digunakan memang mempengaruhi antara satu sama lain tetapi faktor-faktor lain juga mungkin mempengaruhi keberkesanan agihan zakat ini. Oleh itu, pengkaji memberi cadangan seperti berikut untuk memperbaiki kajian lanjutan yang mungkin dijalankan pada masa hadapan.

- i. Menggunakan pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai kaitan rapat antara satu sama lain supaya penerangan yang diberi disokong kuat oleh teori. Misalnya apabila mengkaji tentang agihan zakat, pembolehubah yang berkait rapat adalah bilangan penerima zakat, agihan mengikut asnaf dan kadar kemiskinan negeri di mana jumlah tersebut mempengaruhi jumlah agihan zakat tahunan.
- ii. Menggunakan skop data siri masa yang lebih panjang iaitu melebihi 30 tahun supaya data lat masa dapat memberi maklumat yang lebih banyak dan tepat terhadap pembolehubah bersandar yang dianalisis. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati analisis tidak dapat dijalankan dengan menggunakan lat masa yang lebih tinggi kerana data yang digunakan tidak cukup banyak untuk menghasilkan keputusan yang diinginkan di mana apabila semakin panjang tempoh siri masa data tersebut, keputusan yang diperolehi adalah lebih tepat kerana pengkaji dapat melihat tren semasa yang lebih jitu.



Daripada hasil kajian yang dijalankan, didapati bahawa faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan agihan zakat adalah jumlah pungutan zakat daripada semua sektor yang dikenakan zakat. Oleh kerana potensi pembayar zakat dan pungutan zakat di Malaysia adalah cukup besar seiring dengan pelbagai cabaran untuk melaksanakannya, pengkaji mencadangkan pelbagai langkah dan inisiatif yang boleh dijalankan oleh semua pihak termasuklah pihak kerajaan, institusi zakat, masyarakat dan institusi yang terlibat bagi meningkatkan lagi jumlah pungutan zakat tahun setiap negeri.

#### **5.4.1 PERANAN PIHAK KERAJAAN**

##### **1) Penyelarasan antara pihak kerajaan dengan Majlis Agama Islam**

Pihak kerajaan juga seharusnya bekerjasama dan membuat penyelarasan dengan Majlis-majlis Agama Islam bagi menangani masalah-masalah umat Islam seperti kemiskinan, pendidikan, kemahiran dan lain-lain dengan menggunakan wang pungutan zakat. Selain itu, bagi memperkasakan lagi aspek pungutan zakat, kerajaan juga boleh mengambil inisiatif dengan meletakkan zakat dalam arus perdana melalui sistem pendidikan, ekonomi dan undang-undang negara.

Peraturan zakat di setiap negeri adaah berbeza di antara satu sama lain. Perbezaan ini merangkumi jenis harta yang dikenakan zakat, kaedah taksiran, pentadbiran dan pelaksanaan penguatkuasaan. Walaupun berbeza, namun melanggar peraturan zakar adalah salah di sisi undang-undang dan hukuman tetap dijalankan kepada mereka yang didapati bersalah. Oleh yang demikian, peruntukan-peruntukan berzakat bagi setiap negeri perlulah diselaraskan berpaksi kepada satu peruntukan sahaja. Oleh yang demikian, peruntukan tersebut perlulah dimasukkan di dalam Akta Perlembagaan Malaysia kerana ia melibatkan kesemua negeri di Malaysia.

## 2) Penguatkuasaan undang-undang

Pihak kerajaan juga boleh melaksanakan penguatkuasaan undang-undang zakat dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri dalam penggubalan akta atau undang-undang khas dalam melaksanakan tuntutan zakat. Undang-undang yang sedia ada patut dikuatkuasakan dan dilaksanakan dengan sepenuhnya demi mendapatkan kutipan zakat yang menggalakkan sepanjang tahun. Bahkan kerajaan sepatutnya mewujudkan sebuah institusi khas yang berperanan secara khusus mengendalikan zakat kerana zakat bukanlah bayaran bermusim yang dibayar pada bulan Ramadhan sahaja tetapi pengeluaran zakat adalah sepanjang tahun. Hal ini kerana, ia merupakan kaedah bagi melaksanakan hak Allah S.W.T yang termaktub dalam al-Quran. Contoh penguatkuasaan undang-undang zakat ialah tindakan menangkap sesiapa yang enggan membayar zakat sebagai langkah akhir selepas beberapa prosedur seperti peringatan atau amaran dibuat.

### **5.4.2 PERANAN PIHAK BERKUASA ZAKAT NEGERI**

#### 1) Mengemaskini dan menyeragamkan undang-undang zakat

Pihak Berkuasa Zakat Negeri memainkan peranan yang lebih besar dalam menangani masalah umat Islam dan bekerjasama dengan pihak kerajaan agar peranan membantu umat Islam dapat diselaraskan. Langkah ini termasuklah mengemaskini dan menyeragamkan undang-undang berkaitan zakat termasuklah undang-undang yang membolehkan lebihan zakat sesebuah negeri disalurkan ke negeri yang memerlukan. Oleh yang demikian, pihak berkuasa ini perlulah mengamalkan sikap telus dan akauntabiliti bagi mendapat kepercayaan masyarakat Islam dan pihak kerajaan.

## 2) Mempelbagaikan kaedah bayaran zakat

Selain itu, pihak ini juga perlu mempelbagaikan kaedah pungutan zakat oleh pihak yang dilantik seperti kaedah pungutan boleh dilakukan menerusi kaedah kutipan zakat bergerak di kawasan yang menjadi tumpuan ramai seperti pasar raya dan semasa ekspo ataupun memindahkan kaunter kutipan di kawasan yang mudah dikunjungi orang ramai. Sekiranya semua negeri menjalankan kaedah ini dalam pelaksanaan kutipan zakat di negeri masing-masing maka lebih ramai individu akan membayar zakat. Hal ini kerana terlalu ramai individu mempunyai sifat malas dan lebih menginginkan perkara yang mudah dalam sesuatu perkara. Menerusi kaedah ini, individu yang layak membayar zakat dan kekurangan masa akibat rutin hidup yang padat boleh melaksanakan rukun Islam ini dengan lebih mudah.

### **5.4.3 PIHAK MASYARAKAT ISLAM**

#### 1) Mewujudkan kesedaran dalam diri individu

Masyarakat Islam itu sendiri seharusnya memahami bahawa tuntutan membayar zakat ini adalah salah satu daripada rukun Islam yang wajib dilakukan oleh mereka yang memenuhi syaratnya dan memperingati tentang kewajipan ini bermula daripada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Kewajipan zakat kepada individu Muslim adalah sama seperti kefarduan solat untuk menjadi seorang Islam yang sempurna. Ia mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam Islam dan sering digandingkan dengan solat di dalam Al-Quran.

Kesedaran dalam diri masyarakat Islam tentang kefarduan zakat boleh diaplikasikan menerusi pelbagai kempen yang telah dijalankan seperti taklimat, pameran, kuliah atau ceramah. Kaedah ini merupakan langkah terbaik untuk menyerapkan kesedaran dalam diri umat Islam tentang kepentingan dan fadhilat berzakat tetapi langkah ini tidak akan berkesan sekiranya tiada sifat bertanggungjawab dalam diri individu itu sendiri.

## 2) Bekerjasama dengan Pihak Urusan Zakat

Oleh kerana terdapat banyak isu mengenai agen pungutan zakat yang tidak sah, masyarakat perlulah berhati-hati dalam membuat pembayaran dan wajib membayar zakat kepada pihak berkuasa sepertimana yang ditekankan di dalam Al-Quran dan as-Sunnah. Masyarakat juga perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa sekiranya terdapat kelemahan atau keciciran semasa mengagihkan zakat kepada golongan yang berhak menerimanya.

### **5.4.4 PERANAN INSTITUSI YANG TERLIBAT**

#### 1) Peranan media

Mewujudkan Majlis Media Muslim Malaysia termasuklah institusi masjid sebagai asas komunikasi ekonomi yang mampu berperanan melaksanakan agenda-agenda ekonomi masyarakat sekaligus memperluaskan peranan masjid sebagai pusat pembangunan ilmu, pembangunan budaya dan pembangunan ekonomi. Bagi melengkapi usaha-usaha yang telah dipelopori oleh media elektronik dan penyiaran (JAKIM) dan radio IKIM, dicadangkan supaya satu saluran televisyen khas diwujudkan bagi tujuan menyebarkan informasi berkaitan dengan ekonomi umat Islam dan pembangunan ummah termasuklah maklumat berkaitan zakat dari semasa ke semasa.

#### 2) Peranan pihak Bank sebagai agen kutipan zakat

Selain itu, institusi perbankan juga dapat membantu PPZ dalam usaha meningkatkan kutipan zakat di setiap negeri. Peranan institusi bank sebagai agen kutipan merupakan satu alternatif yang terbaik bagi para pembayar zakat menunaikan kewajipan mereka. Ini juga dilihat sebagai satu langkah baik institusi zakat di dalam membantu pembasmian kemiskinan. Seperti yang diketahui, bank merupakan institusi penyimpanan wang dan pemberi pinjaman kepada para pelanggan. Oleh itu secara tidak langsung peranan bank sebagai agen kutipan zakat ini dapat membantu bank-bank yang terlibat menarik lebih ramai lagi individu untuk menyimpan wang dan menjalankan urusniaga dengan mereka disebabkan kemudahan pembayaran zakat yang diwartakan oleh pihak bank tersebut.

## 5.4 PENUTUP

Setelah menjalankan kajian ini, secara keseluruhannya pengkaji mendapati bahawa pembolehubah jumlah hasil zakat, KDNK dan kadar inflasi sememangnya boleh dijadikan indikator yang penting dalam menentukan jumlah agihan zakat dalam sesebuah negeri supaya lebih berkesan dalam meningkatkan ekonomi umat Islam. Hal ini kerana peranan zakat adalah sangat besar dalam kehidupan di mana ia dapat menyucikan harta individu daripada bercampur dengan hak orang yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.

Zakat juga menjadi faktor utama dalam perkembangan ekonomi umat Islam kerana zakat merupakan salah satu sistem kewangan Islam yang mampu menjadi alternatif penyelesaian kepada permasalahan ekonomi yang menimpa negara Islam kebelakangan ini. Secara keseluruhannya, peranan zakat amat besar kepada masyarakat Islam maka zakat perlu diberi penekanan yang lebih serius supaya pengurusan sistem zakat lebih berkesan dalam menjana ekonomi umat Islam. Pengurusan zakat perlu secara meluas dan tidak terhad kepada sesuatu perkara sahaja kerana matlamat ekonomi Islam untuk menjadikan zakat salah satu sumber utama ekonomi negara, khususnya bagi menangani permasalahan umat Islam negara ini serta menjamin keberkesannya.

Berdasarkan hasil kajian ini, hubungan positif yang ditunjukkan oleh faktor jumlah hasil pungutan zakat dan KDNK terhadap jumlah agihan zakat menunjukkan peningkatan dalam jumlah hasil pungutan zakat dan KDNK akan menyebabkan berlaku peningkatan dalam jumlah agihan zakat. Namun wujud hubungan negative di antara kadar inflasi dengan jumlah agihan zakat di mana dapatan menunjukkan peningkatan dalam kadar inflasi akan menyebabkan penurunan dalam jumlah agihan zakat. Oleh itu, dapat dilihat bahawa keberkesanan jumlah agihan zakat adalah bergantung kepada faktor-faktor tersebut selaras dengan matlamat institusi Baitulmal (Zakat) negeri Terengganu untuk menjadikan zakat sebagai asas pembangunan sosio-ekonomi umat Islam di negeri ini di samping meningkatkan taraf hidup golongan asnaf dalam semua aspek kehidupan sama ada rohani, intelektual dan jasmani.

## RUJUKAN

- Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid, & Nor Ghani Md. Nor (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi (Presiden IEMAM). Peranan Zakat Dalam Membantu Pembangunan Ekonomi Negara.
- Patmawati bte Hj Ibrahim (2006). Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah.
- Abdul Hakim Amir bin Osman. Pusat Urusan Zakat-MAIWP. Potensi Pembayar Zakat dan Kutipan Zakat Di Malaysia.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Mohd Ali Mohd Nor (2005). Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005). Penerimaan dan Tanggapan Masyarakat Terhadap Sumber Zakat Harta Yang Diikhilaf.
- Kamil Md. Idris, Universiti Utara Malaysia (2004). Kesan Persepsi Undang-undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji.
- Zulkefly Abdul Karim, Mohd Azlan Shah Zaidi, & Hairunnizam Wahid (UKM) (2006). Penapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan : Isu dan Cabaran.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Mohd Ali Mohd Noor (UKM) (2005). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, (UPENT). Jabatan Perbendaharaan, 1993-2007. Data Hasil dan Perbelanjaan Negeri Terengganu.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, (UPENT), 1993-2007. Data Asas Negeri Terengganu.
- Jabatan Perangkaan Negeri Terengganu. Jumlah Penduduk Negeri Terengganu. 1993-2007.
- Laporan Zakat, Pusat Urusan Zakat Terengganu MAIDAM. (1993-2007).



## LAMPIRAN

Data Asal Bagi Semua Pembolehubah

TAHUN	AZ (RM)	PZ (RM)	KDNK (RM JUTA)	Kadar Inflasi (%)
				4.4
1993	3263463.5	6727618.63	6838.1	4.6
1994	4699567.46	7749696.52	7368.1	3.6
1995	5598715.16	8425685.34	12082.9	3.8
1996	6634084.47	9888210.2	13778.2	3.4
1997	7784906.37	12889539.79	14707.4	3.4
1998	10540802.96	13022844.08	13383.4	2.8
1999	14110199.6	12499444.4	13956.5	5.2
2000	13239570.06	20755855.6	14262.5	2.8
2001	18745834.99	28247343.15	14504	1.5
2002	21974003.44	33004967.11	14949.5	1.4
2003	33482636.63	40058735.2	15462.6	1.8
2004	38096418.34	36147739.28	16099.9	1.2
2005	28398433.43	40365590.96	16821.2	1.4
2006	28902676.77	42870338.43	30184	3.1
2007	31759421.5	51442341.96	31844.1	3.6

### Hasil Keputusan Kointegrasi

Date: 02/23/09 Time: 13:09

Sample (adjusted): 1995 2007

Included observations: 13 after adjustments

Trend assumption: Linear deterministic trend

Series: LNAZ LNKDNK LNHZ LNINF

Lags interval (in first differences): 1 to 1

#### Unrestricted Cointegration Rank Test (Trace)

Hypothesized No. of CE(s)	Eigenvalue	Trace Statistic	0.05 Critical Value	Prob.**
None *	0.946552	73.04486	47.85613	0.0000
At most 1 *	0.892316	34.96726	29.79707	0.0116
At most 2	0.332923	5.996028	15.49471	0.6960
At most 3	0.054824	0.732987	3.841466	0.3919

Trace test indicates 2 cointegrating eqn(s) at the 0.05 level

\* denotes rejection of the hypothesis at the 0.05 level

\*\*MacKinnon-Haug-Michelis (1999) p-values

Unrestricted Cointegration Rank Test (Maximum Eigenvalue)

Hypothesized No. of CE(s)	Eigenvalue	Max-Eigen Statistic	0.05 Critical Value	Prob.**
None *	0.946552	38.07760	27.58434	0.0016
At most 1 *	0.892316	28.97123	21.13162	0.0032
At most 2	0.332923	5.263041	14.26460	0.7083
At most 3	0.054824	0.732987	3.841466	0.3919

Max-eigenvalue test indicates 2 cointegrating eqn(s) at the 0.05 level

\* denotes rejection of the hypothesis at the 0.05 level

\*\*MacKinnon-Haug-Michelis (1999) p-values

Unrestricted Cointegrating Coefficients (normalized by b'S11\*b=I):

LNAZ	LNKDNK	LNHZ	LNINF
3.685874	6.471909	-6.348501	-2.164373
9.942656	-4.263322	-6.249666	5.159971
7.283264	-3.661861	-6.524119	-1.539332
15.52844	-0.084309	-18.50012	-1.243381

Unrestricted Adjustment Coefficients (alpha):

D(LNAZ)	-0.009109	0.003162	-0.065224	-0.005443
D(LNKDNK)	-0.136337	0.039263	0.033033	0.005903
D(LNHZ)	-0.005426	-0.005016	-0.027596	0.024245
D(LNINF)	0.016875	-0.247272	0.166088	-0.035126

1 Cointegrating Equation(s): Log likelihood 44.11826

Normalized cointegrating coefficients (standard error in parentheses)

LNAZ	LNKDNK	LNHZ	LNINF
1.000000	1.755868	-1.722387	-0.587208
	(0.20117)	(0.13273)	(0.14379)

Adjustment coefficients (standard error in parentheses)

D(LNAZ)	-0.033576
	(0.16087)
D(LNKDNK)	-0.502520
	(0.11395)

D(LNHZ)	-0.019999 (0.15908)
D(LNINF)	0.062200 (0.58096)

2 Cointegrating Equation(s): Log likelihood 58.60388

Normalized cointegrating coefficients (standard error in parentheses)

LNAZ	LNKDNK	LNHZ	LNINF
1.000000	0.000000	-0.843258 (0.03589)	0.301859 (0.05541)
0.000000	1.000000	-0.500680 (0.03911)	-0.506340 (0.06038)

Adjustment coefficients (standard error in parentheses)

D(LNAZ)	-0.002138 (0.46264)	-0.072435 (0.33813)
D(LNKDNK)	-0.112142 (0.28758)	-1.049749 (0.21018)
D(LNHZ)	-0.069867 (0.45722)	-0.013733 (0.33416)
D(LNINF)	-2.396342 (1.34583)	1.163416 (0.98361)

3 Cointegrating Equation(s): Log likelihood 61.23540

Normalized cointegrating coefficients (standard error in parentheses)

LNAZ	LNKDNK	LNHZ	LNINF
1.000000	0.000000	0.000000	2.429918 (0.56247)
0.000000	1.000000	0.000000	0.757184 (0.32891)
0.000000	0.000000	1.000000	2.523615 (0.66000)

Adjustment coefficients (standard error in parentheses)

D(LNAZ)	-0.477184 (0.46307)	0.166407 (0.30855)	0.463601 (0.39748)
D(LNKDNK)	0.128446 (0.30972)	-1.170711 (0.20637)	0.404643 (0.26585)
D(LNHZ)	-0.270856 (0.53821)	0.087320 (0.35861)	0.245832 (0.46197)
D(LNINF)	-1.186677	0.555223	0.354656

(1.41901) (0.94549) (1.21801)

Ujian Vektor Aoutiregrasi

Vector Autoregression Estimates

Date: 02/24/09 Time: 12:13

Sample (adjusted): 1995 2007

Included observations: 13 after adjustments

Standard errors in ( ) & t-statistics in [ ]

	D(LNAZ)	D(LNKDKNK )	D(LNHZ)	D(LNINF)
D(LNAZ(-1))	0.364043 (0.25813) [ 1.41033]	-0.194162 (0.35429) [-0.54803]	-0.396198 (0.25475) [-1.55527]	-0.348098 (0.93003) [-0.37429]
D(LNKDKNK(-1))	0.147209 (0.23373) [ 0.62984]	-0.026649 (0.32080) [-0.08307]	-0.037215 (0.23067) [-0.16134]	-0.477412 (0.84212) [-0.56691]
D(LNHZ(-1))	1.073420 (0.32251) [ 3.32832]	0.022449 (0.44267) [ 0.05071]	-0.386338 (0.31829) [-1.21380]	0.212421 (1.16202) [ 0.18280]
D(LNINF(-1))	0.204911 (0.12746) [ 1.60766]	0.207703 (0.17495) [ 1.18724]	-0.301072 (0.12579) [-2.39343]	-0.085749 (0.45924) [-0.18672]
C	-0.083832 (0.09645) [-0.86921]	0.145014 (0.13238) [ 1.09545]	0.271363 (0.09518) [ 2.85094]	0.033297 (0.34750) [ 0.09582]
R-squared	0.585570	0.290378	0.438490	0.068220
Adj. R-squared	0.378355	-0.064434	0.157736	-0.397669
Sum sq. resids	0.174430	0.328614	0.169893	2.264425
S.E. equation	0.147661	0.202674	0.145728	0.532027
F-statistic	2.825904	0.818400	1.561827	0.146430
Log likelihood	9.576463	5.459643	9.747766	-7.086614
Akaike AIC	-0.704071	-0.070714	-0.730426	1.859479
Schwarz SC	-0.486783	0.146574	-0.513137	2.076767
Mean dependent	0.146978	0.112592	0.145601	-0.049373
S.D. dependent	0.187281	0.196444	0.158789	0.450020

Determinant resid covariance (dof adj.) 1.73E-06

Determinant resid covariance            2.48E-07  
 Log likelihood                            25.07946  
 Akaike information criterion            -0.781455  
 Schwarz criterion                        0.087698

$$D(LNAZ) = 0.3640425944 * D(LNAZ(-1)) + 0.1472090682 * D(LNKDNK(-1)) + 1.073420015 * D(LNHZ(-1)) + 0.2049114323 * D(LNINF(-1)) - 0.08383207037$$

$$D(LNKDNK) = - 0.1941618972 * D(LNAZ(-1)) - 0.02664871406 * D(LNKDNK(-1)) + 0.02244866417 * D(LNHZ(-1)) + 0.2077032784 * D(LNINF(-1)) + 0.1450139688$$

$$D(LNHZ) = - 0.3961979476 * D(LNAZ(-1)) - 0.03721529347 * D(LNKDNK(-1)) - 0.3863380983 * D(LNHZ(-1)) - 0.3010721301 * D(LNINF(-1)) + 0.2713625228$$

$$D(LNINF) = - 0.3480983233 * D(LNAZ(-1)) - 0.4774115038 * D(LNKDNK(-1)) + 0.2124213031 * D(LNHZ(-1)) - 0.08574893086 * D(LNINF(-1)) + 0.03329731871$$

### Ujian Penyebab Granger

Pairwise Granger Causality Tests

Date: 02/24/09 Time: 12:54

Sample: 1993 2007

Lags: 2

Null Hypothesis:	Obs	F-Statistic	Probability
LNKDNK does not Granger Cause LNAZ	13	0.58143	0.58108
LNAZ does not Granger Cause LNKDNK		4.36888	0.05219
LNHZ does not Granger Cause LNAZ	13	4.70618	0.04456
LNAZ does not Granger Cause LNHZ		1.67598	0.24665
LNINF does not Granger Cause LNAZ	13	0.20333	0.82010
LNAZ does not Granger Cause LNINF		1.05697	0.39145
LNHZ does not Granger Cause LNKDNK	13	1.33322	0.31643
LNKDNK does not Granger Cause LNHZ		0.38242	0.69404
LNINF does not Granger Cause LNKDNK	13	2.54511	0.13950
LNKDNK does not Granger Cause LNINF		0.41427	0.67422
LNINF does not Granger Cause LNHZ	13	1.47546	0.28481
LNHZ does not Granger Cause LNINF		0.83815	0.46722

